

DIDALAM MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 4 KUALA LUMPUR

DIDALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

RAYUAN JENAYAH NO: 42(S)- 69 - 05/2014

RAYUAN JENAYAH NO: 42(S) – 131 – 11/2014

ROSLAN BIN MOHAMAD SOM

AFIZUL BIN MOHD YASIN

LAWAN

PENDAKWA RAYA

PENGHAKIMAN

Latarbelakang

1. Ini merupakan rayuan-rayuan yang difailkan oleh kedua-dua pihak Perayu yang mana bagi maksud pendengaran kes rayuan ini dihadapan saya, (En. Roslan bin Mohamad Som – selepas ini dikenali sebagai Perayu Pertama) dan (En. Afizul bin Mohd Yasin – selepas ini dikenali sebagai Perayu Kedua) terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen pada 15 Mei 2014. Pada tarikh yang tersebut, Hakim Mahkamah Sesyen memutuskan Perayu Pertama didapati bersalah dan disabitkan atas satu pertuduhan

menurut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan dihukum dibawah Seksyen 24 Akta yang sama. Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman 4 Tahun Penjara dan Denda RM40,000 jika gagal bayar 16 bulan Penjara.

2. Pada tarikh yang sama juga, 15 Mei 2014, Hakim Mahkamah Sesyen juga telah memutuskan bahawa Perayu Kedua didapati bersalah dan disabitkan atas tiga pertuduhan menurut Seksyen 5(1) Akta Jenayah Komputer 1997 dan dihukum dibawah Seksyen 5(4) Akta yang sama. Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman seperti berikut:

Tuduhan Pertama: 3 Tahun Penjara dan Denda RM20,000-00
jika gagal 8 bulan Penjara

Tuduhan Kedua : 3 Tahun Penjara dan Denda RM20,000-00
jika gagal 8 bulan Penjara

Tuduhan Ketiga : 3 Tahun Penjara dan Denda RM20,000-00
jika gagal 8 bulan Penjara

3. Pihak Perayu Pertama telah menghadapi pertuduhan seperti berikut:

“Bahawa kamu pada 15 Julai 2010 antara jam 3.00 hingga 4.00 petang, di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru, didalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai seorang ejen Lembaga Tabung Haji, iaitu Pegawai Kerani (SPPP 2), yang bertugas di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Haji, Jabatan Haji,

Tabung Haji telah secara rasuah menerima satu suapan, iaitu wang tunai sebanyak RM6,750-00 daripada Encik Samsuddin bin Ibrahim, sebagai upah untuk melakukan satu perkara iaitu untuk tolong menguruskan nama-nama jemaah haji (seperti yang dinyatakan di Lampiran A) yang tidak layak menunaikan haji pada tahun 2010 bersamaan 1413H dapat pergi menunaikan haji pada tahun 2010 bersamaan 1413H, dan dengan ini kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.”

Lampiran A”

<u><i>Nama Jemaah Haji</i></u>	<u><i>No. Kad Pengenalan</i></u>
<i>1. Sapinah bt Mamat</i>	<i>511228-03-5256</i>
<i>2. Noriah bt. Adam</i>	<i>750712-03-5598</i>
<i>3. Rohana bt. Mamat</i>	<i>671023-03-5220</i>
<i>4. Siti Bainun bt. Ismail</i>	<i>590612-03-5478</i>
<i>5. Rozemi bt. Mamat</i>	<i>551114-03-5115</i>
<i>6. Harun bin Mat</i>	<i>601201-03-5183</i>
<i>7. Ashasiah bt. Mohamed</i>	<i>700501-03-5234</i>
<i>8. Rani bin Harun</i>	<i>420401-03-5193</i>
<i>9. Hawa bt. Ngah</i>	<i>440823-03-5212</i>
<i>10. Mohd Yusof bin Abdullah</i>	<i>511129-03-5269</i>
<i>11. AB Halim bin Hamat</i>	<i>510226-03-5119</i>

12.	<i>Saadah bt. Mohamad</i>	600407-03-5192
13.	<i>Adnal bt. Ramli</i>	551013-03-5220
14.	<i>Che Bidah bt. Isa</i>	380528-03-5090
15.	<i>Nizah bt. Samah</i>	500527-03-5076
16.	<i>Yusoff bin Abdullah</i>	450213-03-5097
17.	<i>Nik Hasidah bt. Nik Hussin</i>	730412-03-5192
18.	<i>Nik Hasiah bt. Nik Hussin</i>	700426-03-5276
19.	<i>Mohamed bin Hassan</i>	510818-03-5227
20.	<i>Shafie bin Yusuf</i>	450520-03-5185
21.	<i>Khalijah bt. Harun</i>	470110-03-5156
22.	<i>Fatimah bt. Musa</i>	490610-03-5476
23.	<i>Ibrahim bin Salleh</i>	490530-03-5281
24.	<i>Ramlah bt. Othman</i>	561128-03-5406
25.	<i>Bidah bt. Idris</i>	580603-03-5514
26.	<i>Haina bt. Adna @ Hassan</i>	700321-03-5296
27.	<i>Mohammad Afkar bin Hanifa</i>	680407-03-6075

Hukuman

Apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

4. Pihak Perayu Kedua telah menghadapi pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan Pertama:

“Bahawa kamu pada 10 Jun 2010 antara jam 11.00 malam hingga 11.10 malam di lantai 13 Jabatan Teknologi Maklumat Bangunan Ibu Pejabat Tabung Haji, didalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai seorang Juruanalisa Sistem Jabatan Teknologi Maklumat Tabung Haji yang diamanahkan tugas sebagai Juruanalisa Sistem Jabatan Teknologi Maklumat Tabung Haji, didapati telah menggunakan computer yang didaftar dengan model computer Elite book 6930p, nombor serial notebook 2CE841Z2TR serta no Mac Address 00-21-5D-A4-74-F6(W) membuat capaian ke Pengkalan Data Tabung Haji dan telah memasukkan rekod jemaah haji (seperti yang dinyatakan di Lampiran A) dengan menggunakan program khas iaitu Win SQL tanpa kuasa yang mana kamu tahu bahawa perbuatan tersebut akan menyebabkan pengubahsuaian kandungan pengkalan data sistem Haji untuk Lembaga Tabung Haji, oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 5(1) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 5(4) Akta yang sama.”

Lampiran A”

<u>Nama Jemaah Haji</u>	<u>No. Kad Pengenalan</u>
1. Haina bt. Adna @ Hassan	700321-03-5296
2. Mohammad Afkar bin Hanifa	680407-03-6075

Hukuman

Apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya; atau boleh didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, sekiranya perbuatan itu dilakukan dengan niat menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua:

“Bahawa kamu pada 12 Julai 2010 antara jam 2.00 petang hingga 3.12 petang di lantai 13 Jabatan Teknologi Maklumat Bangunan Ibu Pejabat Tabung Haji, didalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai seorang Juruanalisa Sistem Jabatan Teknologi Maklumat Tabung Haji yang diamanahkan tugas sebagai Juruanalisa Sistem Jabatan Teknologi Maklumat Tabung Haji, didapati telah menggunakan computer yang didaftar dengan model computer Elite book 6930p, nombor serial notebook 2CE841Z2TR serta no Mac

Address 00-21-5D-A4-74-F6(W) membuat capaian ke Pengkalan Data Tabung Haji dan telah memasukkan rekod jemaah haji (seperti yang dinyatakan di Lampiran B) dengan menggunakan program khas iaitu Win SQL tanpa kuasa yang mana kamu tahu bahawa perbuatan tersebut akan menyebabkan pengubahsuaian kandungan pengkalan data sistem Haji untuk Lembaga Tabung Haji, oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 5(1) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 5(4) Akta yang sama.”

Lampiran B

<u>Nama Jemaah Haji</u>	<u>No. Kad Pengenalan</u>
1. Rani bin Harun	420401-03-5193
2. Hawa bt. Ngah	440823-03-5212
3. Khalijah bt. Harun	470110-03-5156
4. Mohamed bin Hassan	510818-03-5227
5. Sapinah bt Mamat	511228-03-5256
6. Rozemi bt. Mamat	551114-03-5115
7. Ramlah bt. Othman	561128-03-5406
8. Bidah bt. Idris	580603-03-5514
9. Rohana bt. Mamat	671023-03-5220
10. Siti Bainun bt. Ismail	590612-03-5478
11. Harun bin Mat	601201-03-5183
12. Ashasiah bt. Mohamed	700501-03-5234
13. Nik Hasidah bt. Nik Hussin	730412-03-5192

14. Nik Hasiah bt. Nik Hussin 700426-03-5276
15. Noriah bt. Adam 750712-03-559

Hukuman

Apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya; atau boleh didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, sekiranya perbuatan itu dilakukan dengan niat menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Ketiga:

“Bahawa kamu pada 14 Julai 2010 antara jam 10.55 pagi hingga 11.10 pagi di lantai 13 Jabatan Teknologi Maklumat Bangunan Ibu Pejabat Tabung Haji, didalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai seorang Jruanalisa Sistem Jabatan Teknologi Maklumat Tabung Haji yang diamanahkan tugas sebagai Jruanalisa Sistem Jabatan Teknologi Maklumat Tabung Haji, didapati telah menggunakan computer yang didaftar dengan model computer Elite book 6930p, nombor serial notebook 2CE841Z2TR serta no Mac Address 00-21-5D-A4-74-F6(W) membuat capaian ke

Pengkalan Data Tabung Haji dan telah memasukkan rekod jemaah haji (seperti yang dinyatakan di Lampiran C) dengan menggunakan program khas iaitu Win SQL tanpa kuasa yang mana kamu tahu bahawa perbuatan tersebut akan menyebabkan pengubahsuaian kandungan pengkalan data sistem Haji untuk Lembaga Tabung Haji, oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 5(1) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 5(4) Akta yang sama.”

Lampiran C”

<u>Nama Jemaah Haji</u>	<u>No. Kad Pengenalan</u>
1. Mohd Yusof bin Abdullah	511129-03-5269
2. Che Bidah bt. Isa	380528-03-5090
3. Shafie bin Yusuf	450520-03-5185
4. Fatimah bt. Musa	490610-03-5476
5. Ibrahim bin Salleh	490530-03-5281
6. Nizah bt. Samah	500527-03-5076
7. AB Halim bin Hamat	510226-03-5119
8. Mohd Yusof bin Abdullah	511129-03-5269
9. Adnal bt. Ramli	551013-03-5220
10. Saadah bt. Mohamad	600407-03-5192

Hukuman

Apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya; atau boleh didenda tidak melebihi

satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, sekiranya perbuatan itu dilakukan dengan niat menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan.

Fakta Kes terhadap Perayu Pertama:

5. Melalui Ekshibit (P1) dan keterangan saksi (SP 1), Roslan bin Mohamed Sum (Perayu Pertama) pada masa tersebut telah bertugas di Bahagian Pengurusan Haji pada 10 Julai 2008 hingga 3 November 2008 Lembaga Tabung Haji (TH). Pada tahun 2010, Perayu Pertama telah bertugas di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Haji.

6. Melalui keterangan saksi (SP 1) dan Ekshibit (P2) juga mengesahkan bahawa Afizul bin Md. Yassin (Perayu Kedua) bertugas sebagai Pengatur Program Komputer di Bahagian Teknologi Maklumat. Kemudiannya Perayu Kedua telah dinaikkan pangkat sebagai Juruanalisa Sistem (Sistem Haji) Gred K13 di Bahagian Projek dan Aplikasi pada 1 Oktober 2007 sehinggalah pada tarikh kejadian kes ini. Diantara tugas-tugas Perayu Kedua adalah sebagai Juruanalisa sistem (sistem Haji) K13, adalah merekabentuk, mengemaskini, mengendalikan ujian, dan menyediakan dokumentasi sistem dan aturcara-aturcara mengikut spesifikasi dalam sistem haji. Keterangan saksi (SP1) selanjutnya menyatakan bahawa pada tahun 2010, Perayu Kedua telah bertugas di Bahagian Projek dan Aplikasi. Pada

30 Mac 2009 telah ditukarkan sebagai Jruanalisa sistem (Senior analyst Distributed Computing and Automotion MGT/SPP3).

7. Melalui keterangan saksi, Samsuddin bin Ibrahim (SP4) menyatakan bahawa beliau pernah berkhidmat di Tabung Haji sebagai kerana dan telahpun bersara pada tahun 2005. Beliau sudah lama mengenali saksi, Haji Mohd Nor (SP5) semasa beliau berkhidmat dengan pihak Tabung Haji. Dalam masa yang sama juga (SP4) juga mengenali Perayu Pertama yang juga bertugas di Bahagian Tabung Haji.
8. Sementara itu pula saksi (SP5) menyatakan bahawa beliau menjalankan urusan sebagai Sheikh iaitu menguruskan perkara-perkara Haji dan Umrah. Pada tahun 2009, beliau ada berjumpa dengan saksi (SP4) dan (SP4) telah menawarkan kepadanya pertolongan untuk membantu jemaah yang merayu untuk dapat menunaikan ibadah Haji. Saksi ini (SP5) telah menyerahkan Senarai Nama Jemaah berkenaan dan kesemuanya telah mendapatkan tawaran menunaikan ibadah Haji pada tahun tersebut.
9. Menurut saksi (SP4) dan (SP5), pada tahun 2010, kedua-dua mereka telah sekali lagi mengulangi menguruskan rayuan kepada pihak TabungHaji yang mana (SP5) telah mengulangi menguruskan rayuan kepada pihak Tabung Haji yang mana (SP 5) mengenakan bayaran RM1000 yang dikongsi dan dibahagi dua dengan (SP4). Saksi (SP5) telah memberikan senarai 29 nama bersama-sama dengan nombor kad pengenalan bakal-bakal haji kepada (SP 4). Nama-nama bakal Haji ini dinyatakan dalam kertas pertuduhan diatas. (SP5) telah

bersetuju untuk memasukkan wang kepada (SP4) menerusi akaun Puan Jamilah (SP 3), iaitu isteri (SP 4) di Bank Rakyat.

10. Pada 14 Julai 2010, (SP5) menyatakan bahawa beliau telah memasukkan wang tunai kedalam akaun (SP3) sebanyak RM4,950 (2 kali kemasukkan) dan sebanyak RM4,600-00 (sekali kemasukan). Justeru itu jumlah kesemuanya adalah RM14,500. Pada 15 Julai 2010, saksi (SP3) dan (SP4) telah pergi ke Bank Rakyat untuk mengeluarkan RM13,500-00. Saksi (SP 4) kemudiannya telah menghubungi Perayu Pertama bagi menyerahkan wang. Kedua-dua mereka (SP4) dan Perayu Pertama telah berjumpa pada sebelah petang di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru dimana (SP4) telah menyerahkan wang sejumlah RM6,750 kepada Perayu Pertama. Adalah didapati juga melalui keterangan, pada 15 Julai 2010 jam 5.53 petang, terdapat kemasukan wang berjumlah RM2,700 kedalam akaun Perayu Kedua melalui mesin "*Deposit Tunai*" Maybank Cawangan Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru.
11. Dalam keterangan (SP4) menyatakan bahawa beliau telah menyerahkan senarai nama 29 jemaah yang telah diberikan oleh (SP5) itu kepada Perayu Pertama bagi menguruskan supaya mereka Berjaya mengerjakan Ibadah Haji pada tahun tersebut. (SP4) dan Perayu Pertama telah bersama-sama menyediakan surat-surat rayuan(P8) kepada Ketua Pegawai Eksekutif TH. Surat tersebut telah ditaip oleh (SP 4) dan disemak oleh Perayu Pertama. Setelah itu surat-surat tersebut telah diserahkan kepada Perayu Pertama untuk tindakan yang selanjutnya.

12. Selang beberapa harinya, Perayu Pertama telah memaklumkan kepada (SP4) bahawa senarai nama-nama yang diberikan dahulu telahpun diluluskan. Pada ketika ini Perayu Pertama telah memaklumkan kepada (SP4) bahawa bayaran sebanyak RM250 dikenakan bagi setiap jemaah haji untuk memasukkan nama-nama mereka.

PERTIMBANGAN KES RAYUAN BAGI PERAYU PERTAMA

Isu-isu Utama bagi Pembuktian Kes

13. Isu-isu bagi pembuktian kes dan tuduhan terhadap Perayu Pertama dapatlah dirumuskan seperti berikut:
- (a) Adakah samada elemen-elemen dibawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 telah berjaya dibuktikan oleh pihak Pendakwaan dan Anggapan menurut Seksyen 50 Akta tersebut adalah terpakai terhadap Perayu??;
 - (b) Sekiranya begitu, adakah persoalan mengenai kejujuran Permintaan Wang Rasuah tersebut perlu dibuktikan oleh pihak Pendakwaan??;
 - (c) Dalam Perkara Pembuktian, samada keterangan Saksi Utama (SP4) boleh diambil kira dalam mensabitkan Perayu atau Sebaliknya??

- (d) Adakah pihak Perayu Berjaya mematahkan Anggapan menurut Seksyen 50 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 1950 atau menimbulkan sebarang Keraguan dalam kes Pendakwaan???

Undang-undang bagi kesalahan Menerima Terima Suapan

14. Menurut peruntukan seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi memperolehi Sabitan dalam suatu Kes Prima Facie adalah seperti berikut:

- (a) Perayu Pertama merupakan seorang Agen kepada kepada Lembaga Tabung Haji, dimana Perayu Pertama bertugas di Bahagian Penyelidikan dan Pembahagunan Haji;
- (b) Pada 15 Julai 2010 jam lebih kurang antara 3.00 hingga 4.00 petang, di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru, didalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima satu suapan, iaitu wang tunai sebanyak RM6,750-00 daripada Encik Samsuddin bin Ibrahim,
- (c) Wang Rasuah atau Suapan tersebut adalah sebagai upah untuk melakukan satu perkara iaitu untuk tolong

menguruskan nama-nama jemaah haji (seperti yang dinyatakan di Lampiran A) yang tidak layak menunaikan haji pada tahun 2010 bersamaan 1413H dapat pergi menunaikan haji pada tahun 2010 bersamaan 1413H,

- (d) Justeru itu, sekiranya elemen-elemen (a), (b) dan (c) telah dibuktikan, maka Perayu bolehlah dianggap telah secara Rasuah menerima suapan RM6,750 daripada Encik Samsuddin bin Ibrahim **(SP4)**, melainkan akasnya dibuktikan sebaliknya menurut seksyen 50(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Penghujahan Pihak Peguam Perayu Pertama

15. Pihak Peguam Perayu Pertama, Encik Hisyam Teh Poh Teik telah tidak berpuashati dengan perintah dan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen atas 2 Alasan-alasan Utama berikut:
- (a) Hakim Mahkamah Sesyen telah gagal untuk menghayati bahawa kedua-dua saksi **(SP3)** (Jamilah binti Hassan) dan **(SP4)**(Samsuddin bin Ibrahim) adalah merupakan Rakan Sejenayah (Accomplice) dan perlu meneliti keterangan sokongan;
- (b) Hakim Sesyen telah gagal untuk memberikan pertimbangan maksima (maximum evaluation) terhadap keterangan kedua-dua **(SP3)(SP4)**.

Keputusan Mahkamah:

16. Isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ini adalah samada Mahkamah ini boleh dan perlu mencampuri urusan keputusan kehakiman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Mahkamah ini merujuk kepada penghakiman kes : **Herchun Singh & Ors. v. Public Prosecutor (1969) 1 MLRA 382 (FC), (1969) 1 MLJ 209** seperti berikut:

*An appellate Court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at the Judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding: see **Sheo Swarup v. King Emperor AIR [1934] PC 227.***

17. Dalam menilai keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Mahkamah ini telah menilai rekod Rayuan dan adalah didapati dalam memutuskan samada pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes *Prima Facie* atau sebaliknya, Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat suatu penilaian secara maksima yakni memberikan segala pertimbangan yang sewajarnya keterangan saksi-saksi pendakwaan dan hujahan oleh kedua-dua pihak pendakwaan dan pihak peguam.

Beban Pembuktian oleh Pihak Pendakwaan:

18. Di Akhir kes pendakwaan, adalah menjadi tugas dan Beban statutory kepada pihak pendakwaan untuk membuktikan suatu kes "*Prima Facie*" menurut Seksyen 180 Kanun Prosedur Jenayah dengan membuktikan kesemua elemen-elemen perundangan sebelum Perayu dipanggil untuk menjawab sebarang pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Suatu kes "*Prima Facie*" dinyatakan dan diulangkan dengan tegas dalam kes: **Balachandran v PP (2004) 2 MLRA 547, (2005) 1 CLJ 85, (2005) 2 MLJ 301** Mahkamah Persekutuan telah menyatakan :

“ A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal. The phrase ‘prima facie case’ is defined in similar terms in Mozley and Whiteley’s Law Dictionary 11th Ed as :

A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. a prima facie case, then is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.....In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established. As the trial is without a jury it is only with such a positive

*evaluation can the court make a determination for the purpose of s 180(2) and (3). Of course in a jury trial [*316] where the evaluation is hypothetical the question to be asked would be whether on the evidence as it stands the accused could (and not must) lawfully be convicted. That is so because a determination on facts is matter for ultimate decision by the jury at the end of the trial. Since the court, in ruling that a prima facie case has been made out, must be satisfied that if it is not rebutted it must prevail.*

Thus if the accused elects to remain silent he must be convicted. The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case. As the accused can be convicted on the prima facie evidence it must have reached a standard which is capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt.

However it must be observed that it cannot, at that stage, be properly described as a case that has been proved beyond reasonable doubt. Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the

legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case. Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced as provided by s 182A(1) of the Criminal Procedure Code.

19. Dalam Kes: **Looi Kow Chai & Anor v. Public Prosecutor (2002) 2 MLRA 383, (2003) 1 CLJ 734, (2003) 1 MLJ 65 at 81 (E-F) (MR)**, Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa:

“It is therefore follows that there in only once exercise that a judge sitting alone under Section 180 of the Code has to undertake at the close of Prosecution case. He, must subject the Prosecution evidence to the maximum evaluation and to ask himself the question, if decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the Prosecution case? If the answer is in negative then no prima facie case has been made out and the Accused would be entitled to an acquittal”.....

20. Mahkamah Rayuan dalam kes: **Public Prosecutor v. Ong Cheng Heong (1998) 2 MLRH 345, (1998) 4 CLJ 209, (1998) 6 MLJ 678 at 691**, telah menerangkan “approach” yang perlu diambil menurut Seksyen 173(f) dan 180 KPJ di akhir kes pendakwaan. Begitu juga dalam kes **Pendakwa Raya lawan Mohd Radzi bin Abu Bakar (2005) 2 MLRA 590, (2005) 6**

MLJ 393, (2006) 6 CLJ 465 , yang mana Mahkamah Persekutuan juga menerima pakai ujian-ujian yang disyaratkan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes: **Looi Kow Chai (Supra)**.

21. Secara ringkasnya, kes di atas menyatakan dapatan seperti berikut :

- (i) *the close of Prosecution's case, subject to the evidence led by the Prosecution in its totality to a **maximum evaluation**. Carefully scrutinize the credibility of each of the Prosecution's witnesses. Take into account **all reasonable inferences** that may be drawn from that evidence. If the evidence admits two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;*
- (ii) *ask yourself the question, IF I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent **am I prepared to convict him on the evidence now before me?** If the answer to that question is "YES" the defence should be called. If the answer is "NO" then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;*
- (iii) *After the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;*
- (iv) *After defence is called, the accused elect to give evidence, then go through the steps set out in **Mat v.PP (1963) 1 MLRH 400, (1963) MLJ 263***

22. Meneliti kepada segala rekod-rekod rayuan dan alasan penghakiman oleh Hakim Mahkamah Sesyen, mahkamah ini perlu memutuskan isu-isu yang timbul semasa perbicaraan dan rayuan bagi menentukan

samada Hakim Sesyen telah mengguna pakai peruntukan undang-undang secara jelas dan betul sebelum kes ini dipanggil untuk pembelaan.

PERSOALAN PERTAMA

Adakah samada elemen-elemen dibawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 telah Berjaya dibuktikan oleh pihak Pendakwaan dan Anggapan menurut Seksyen 50 Akta tersebut adalah terpakai terhadap Perayu Pertama??;

23. Dalam meneliti isu ini secara lebih lebih terperinci, adalah perlu untuk melihat peruntukan Seksyen 17(a) Akta tersebut seperti berikut:

Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen

17. Seseorang melakukan kesalahan jika:

(a) sebagai seorang ejen, dia secara rasuah menyetujui terima atau memperolehi, atau bersetuju untuk menyetujui terima atau cuba untuk memperolehi, daripada mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa

perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau.....
(b).....

Isu Satu:

Perayu Pertama merupakan seorang Agen kepada kepada Lembaga Tabung Haji, dimana Perayu Pertama bertugas di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Haji;

24. Melalui Penghujahan pihak Peguam, adalah didapati bahawa elemen atau isu yang pertama mengenai perihal jawatan dan kedudukan Perayu Pertama yang berkhidmat dengan Lembaga Tabung Haji tidak dipertikaikan. Justeru itu isu ini tidak perlu diperbahaskan dengan panjang lebar oleh mahkamah ini tetapi memadai untuk menyatakan bahawa pihak Responden telah Berjaya membuktikan elemen pertama dalam pertuduhan terhadap Perayu Pertama. Isu ini juga telah diambil kira oleh Hakim Mahkamah Sesyen apabila memberikan keputusan mengenai kes ini.

Isu Dua:

Pada 15 Julai 2010 jam lebih kurang antara 3.00 hingga 4.00 petang, di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru, didalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima satu suapan, iaitu wang tunai sebanyak RM6,750-00 daripada Encik Samsuddin bin Ibrahim,

25. Dalam meneliti isu ini, adalah perlu bagi mahkamah ini menilai keterangan saksi utama (SP4). Dalam memberikan keterangannya, pihak Timbalan Pendakwa Raya telah mengemukakan Pernyataan Bertulis Saksi menurut Seksyen 402B(1) Kanun Prosedur Jenayah dan soalan diajukan kepada saksi ini kepada perihal yang “Disagreed”. Mahkamah ini merujuk kepada Rekod Rayuan Jilid 1, muka surat 107 hingga 111 seperti berikut:

S36. : *Dengan nama-nama yang ada 29 nama tadi yang diberi oleh Haji Mohd Noor, apa yang Encik Samsuddin buat selepas itu?*

J : *Saya serahkan kepada Haji Roslan.*

S37. : *Apa yang kita bagi tahu pada Haji Roslan semasa kita beri nama-nama itu kepada Haji Roslan?*

J : *Ini senarai nama daripada Haji Mohd Noor.*

S38. : *Cuba bagi tahu apa yang dibincangkan dengan Haji Roslan?*

- J : Cakap Haji Mohd Noor minta tolong kalau boleh tolong, tolong lah dan serahkan nama-nama pada Haji Roslan.*
- S39. : Roslan ada terima da ada bagi tahu apa-apa atau tidak?*
- J : Ya, ada terima dan cakap dia akan uruskan.*
- S40. : Encik cakap tadi ada jumpa Roslan pada bulan Mei di cafeteria di PNB?*
- J : Ya, betul.*
- S41. : Selang beberapa hari kemudian apa yang diberitahu oleh Roslan perkembangan nama-nama kita bagi tadi?*
- J : Roslan bagi tahu semua dah lulus 29 nama yang diberi keapdanya.*
- S42. : Sebelum itu, ada atau tidak antara Haji Roslan dan Haji Samsuddin buat surat-surat rayuan awal-awal?*
- J : Ada, sebelum terima senarai awal daripada Haji Mohd Noor kita ada buat surat terlebih dahulu.*
- S43. : En. Samsuddin boleh ceritakan dengan Haji Roslan macam mana buat surat rayuan?*
- J : Buat surat atas nama jemaah yang berkenaan.*
- S44. : Yang tadi 29 orang?*
- J : Ya, yang terakhir tadi.*

S45. : *Encik Samsuddin buat surat untuk jemaah-jemaah?*

J : *Ya, betul.*

S46. : *Kenapa buat surat rayuan? Roslan ada bagi tahu kenapa kena buat surat rayuan?*

J : *Mengikut prosedur, kita kena buat surat rayuan.*

S47. : *Surat rayuan ini dituju kepada siapa?*

J : *Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji.*

S48. : *Siapa yang ajar Encik Samsuddin buat surat rayuan macam ini, alamat kepada CEO Tabung Haji?*

J : *Sama, hasil perbincangan antara saya dengan Roslan.*

S49 : *Kenapa rayuan ini perlu buat kepada Pegawai Eksekutif Tabung Haji? Ada sebab dia, kenapa?*

J : *Ikut prosedur, yang saya tahu peraturan-peraturan oleh pihak Tabung Haji.*

S50. : *Ada Roslan bagi tahu kenapa di sebalik surat rayuan itu untuk dapatkan apa, di alamatkan kepada siapa?*

J : *Semua rayuan-rayuan jemaah-jemaah tidak kira oleh sesiapa sahaja jemaah haji yang mendaftar, kemudian mereka dikehendaki membuat surat rayuan untuk nak pergi dalam tahun yang terdekat.*

S51. : *Kenapa tidak kepada Pengurus Besar atau kepada orang lain?*

J : *Ketua Jabatan di Tabung Haji ialah Ketua Pegawai Eksekutif.*

S52. : *Siapa yang tandatangan surat-surat rayuan tersebut?*

J : *Kita yang tandatangan.*

S53. : *Siapa kita?*

J : *Saya.*

TPR : *Pohon dirujuk kepada surat.*

S.54. : *Tadi Encik ada bagi tahu ada buat surat-surat rayuan. Cuba tengok surat-surat rayuan ini, boleh sahkan adakah nama-nama dalam surat-surat rayuan ini berkaitan dengan 29 orang jemaah haji tadi?*

J : *Ya.*

S55. : *Siapa yang sediakan surat ini?*

J : *Kita buat dalam computer dan kita draf, kita taipkan.*

S56. : *Kita itu maksud kita itu?*

J : *Saya.*

S57. : *Tengok ketiga-tiga dokumen, adakah Haji buat?*

J : *Yang awal saja saya buat. Yang kedua bukan dan yang*

ketiga bukan font saya. Saya punya font saya gunakan yang pertama.

S58. : Boleh sahkan, tandatangan ini tandatangan kamu yang buat dalam muka surat pertamanya?.

J : Ya.

TPR : Pohon tanda muka surat pertama.

Mahkamah: Surat Rayuan bertarikh 15.05.2010 ditanda sebagai P8.

S59. : Encik Samsuddin, kesemua nama 29 orang tadi perlu dibuat rayuan. Boleh kamu ingat nama siapa yang kamu buat dan siapa yang Roslan buat.

J : Tidak ingat, Tapi ada di antaranya saya yang buat.

S60 : Selebihnya, siapa yang buat?

J : Macam mana?

S61. : Katakanlah 10 nama kamu buat, Encik Samsuddin buat. Semua ada 29 nama, yang bakinya siapa buat?

J : Saya buat juga.

S62. : Roslan ada buat surat rayuan ke?

J : Ada juga. Dia hanya mencela pindaan nama, itu saja.

S63. : Surat-surat rayuan ini, kamu beri kepada Roslan?

J : Ya.

S64. : Kenapa bagi pada dia?

J : Untuk dihantar kepada yang berkenaan.

S65. : Kesemua surat rayuan ini berdasar pada 29 nama yang Haji Mohd Noor bagi tadi?

J : Ya, betul.

S66. : Encik Samsuddin tahu atau tidak berkaitan dengan kod CEO? Ada Roslan bagi tahu atau tidak untuk kita rayu surat ni untuk dapatkan kuota?

J : Tak. **Kod-kod dalam Tabung Haji satu apa pun Haji Roslan tidak pernah bagi tahu saya.**

S67. : Ada tak bincang dengan dia berkaitan dengan kuota ataupun boleh tolong mahkamah kita ini kuota CEO? Ada bincang tak dengan Roslan?

J : Tidak pernah disebut. Saya rasa tidak ada, bincang tidak ada.

S68. : Selepas buat surat bagi pada Roslan, bagi tahu mahkamah apa kejadian-kejadian selepas itu?

J : Selepasa daripada itu, **saya hanya diberitahu oleh**

Roslan bahawa semua telah diluluskan semua senarai yang kita buat 27,28 orang itu.

S69. : Kemudian, ada Roslan bagi tahu bayaran yang dikenakan?

J : Bayaran yang dikenakan RM250 untuk seorang jemaah haji.

S70. : Itu untuk mengerjakan haji pada tahun bila?

J : Tahun 2010.

26. Melalui keterangan-keterangan diatas dapatlah dirumuskan bahawa:

- (a) En. Samsuddin bin Ibrahim **(SP4)** pernah berkhidmat di Tabung Haji sebagai kerani dan telahpun bersara pada tahun 2005. Beliau sudah lama mengenali saksi, Haji Mohd Nor **(SP5)** semasa beliau berkhidmat dengan pihak Tabung Haji. Dalam masa yang sama juga **(SP4)** juga mengenali Perayu Pertama yang juga bertugas di Bahagian Tabung Haji.
- (b) **(SP5)** menjalankan urusan sebagai Sheikh iaitu menguruskan perkara-perkara Haji dan Umrah. Pada tahun 2009, beliau ada berjumpa dengan saksi **(SP4)** dan **(SP4)** telah menawarkan kepadanya pertolongan untuk membantu jemaah yang merayu untuk dapat menunaikan ibadah Haji.

(SP5) telah menyerahkan Senarai Nama Jemaah berkenaan dan kesemuanya telah mendapatkan tawaran menunaikan ibadah Haji pada tahun tersebut.

- (c) (SP5) mengenakan bayaran RM1000 yang dikongsi dan dibahagi dua dengan (SP4). Saksi (SP5) telah memberikan senarai 29 nama bersama-sama dengan nombor kad pengenalan bakal-bakal haji kepada (SP4). Nama-nama tersebut telah diserahkan oleh (SP4) kepada Perayu Pertama. Kemudiannya (SP4) telah bersama-sama dengan Perayu Pertama telah membuat surat-surat rayuan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji di computer pejabat Perayu Pertama dan surat Rayuan tersebut (P8) telah diserahkan kepada Perayu Pertama untuk dihantar kepada pihak yang berkenan.

27. Melalui keterangan (SP4) juga menyatakan bahawa beliau telah dimaklumkan oleh Perayu Pertama bahawa 27 orang nama dalam senarai telah diluluskan dan **Perayu Pertama memberitahu bayaran yang dikenakan adalah RM250-00 untuk seorang jemaah haji**. Justeru itu, (SP4) telah memaklumkan mengenai bayaran ini kepada (SP5) dan (SP5) memaklumkan akan memasukkan duit kedalam akaun.

Jilid 1 Rekod Rayuan muka surat 111 hingga 112

S69. : *Kemudian, ada Roslan bagi tahu bayaran yang dikenakan?*

J : Bayaran yang dikenakan RM250 untuk seorang Jemaah haji.

S70. : *Itu untuk mengerjakan haji pada tahun bila?*

J : Tahun 2010.

S71. : *Selepas Roslan beritahu kepada kita jemaah-jemaah haji tadi dan layak, bagi tahu kepada Encik Samsuddin. Ada tak Encik Samsuddin berbincang dengan Haji Mohd Noor bagi tahu?*

J : Ya, betul. Saya bagi tahu Haji Noor.

S72. : *Boleh bagi tahu mahkamah macam mana? Cerita sikit.*

J : Saya menghubungi Haji Noor melalui telefon. Kemudian Haji Noor cakap, duit akan dimasukkan melalui akaun.

S73. : *Macam mana?*

J : Haji Noor bagi tahu saya wang-wang itu akan di masukkan ke dalam akaun.

S74. : *Tadi Encik kata tak pernah bincang pasa duit dengan Haji Noor, boleh bagi tahu sedikit macam mana, boleh jelaskan sedikit duit itu bagi tahu Haji Mohd Noor macam mana?*

J : Semasa saya cakap setelah mendapat kelulusan itu.

S75. : Sebelum dapat kelulusan?

J : Tak pernah bincang. Selepas dapat kelulusan dari Roslan maka saya cakap dengan dia dah lulus dengan wang sekali.

S76. : *RM250.00 bagi tahu dia untuk seorang?*

J : Ya.

S77. : Duit RM250.00 ini untuk siapa dan kenapa?

J : Saya bagi kepada Haji Roslan.

S78. : *Tujuannya?*

J : Kerana jemaah haji tadi.

S79. : Untuk?

J : Untuk bayaran jemaah haji tadi.

Persoalan: -

- Mengapakah Perayu Pertama memaklumkan tentang bayaran tersebut kepada **(SP4)**

- *Apakah motif Perayu Pertama memberitahu (SP4) selepas kelulusan diperolehi???*
- *Duit RM250 itu Untuk Apa???*

28. Melalui keterangan **(SP4)** juga menyatakan bahawa beliau telah bersetuju bersama-sama dengan **(SP5)** untuk memasukkan duit tersebut dari **(SP5) kepada (SP4) menerusi akaun Bank Rakyat isteri (SP4) iaitu Puan Jamilah (SP3).**

Jilid 1 Rekod Rayuan muka surat 114

S84. : *Dengan bayaran sekali RM250.00?*

J : *Dikala itulah baru saya tahu dikenakan bayaran.*

S85. : *Kemudian tadi Encik Samsuddin minta duit dengan Haji Mohd Noor dan Mohd Noor pun?*

J : *Mohd Noor pun hantar duit.*

S86. : *Macam mana Mohd Noor tu masukkan duit kepada Encik Samsuddin?*

J : ***Oleh kerana saya tak ada akaun yang boleh keluar melalui kad itu, saya bagi tahu Haji Noor supaya wang itu di masukkan ke dalam akaun isteri saya kerana isteri saya mempunyai kad ATM.***

S87. : *Isteri ini, Jamilah Hassan?*

J : *Ya, Jamilah Hassan.*

S88. : *Wang tadi dimasukkan ke dalam akaun mana?*

J : *Bank Rakyat.*

S89. : *Atas nama isteri?*

J : *Ya, atas nama isteri. Akaun atas nama isteri.*

S90. : *Ada Encik Samsuddin pergi semak di akaun isteri itu wang dimasukkan ke?*

J : *Saya tidak semak, saya terus pergi bank dan keluarkan.*

S92. : *Keluarkan dengan buku, pergi dengan isteri?*

J : *Saya pergi dengan dia pakar kad.*

S93. : *Berapa jumlah wang yang dimasukkan?*

J : *Masukkan, rasanya RM6750.00*

29. Pada 14 Julai 2010, (SP5) telah memasukkan wang tunai kedalam akaun sebanyak RM13,500 (RM4,950 dengan 2 kemasukan DAN RM4,600 dengan sekali kemasukan)

Jilid 2 Rekod Rayuan muka surat 152

S91. : Tuan Haji ingat berapa yang Tuan Haji masukkan?

J : Saya masukkan dalam RM13500.00 sebab dalam 27 orang yang lulus itu dalam RM13500.00 la.

S92. : Bila masukkan tu, Tuan Haji ingat?

J : Kalau mengikut statement, 14 haribulan 7 lah.

S93. : 14 haribulan 7, tahun?

J : Tahun 2010.

S94. : Macam Tuan Haji cakap tadi, ada Tuan Haji masukkan sendiri. Ada abang masukkan lah?

J : Ya, ada abang masukkan.

S95. : Bank in duitlah?

J : Ya.

S96. : Ke dalam akaun isteri Haji Samsuddin?

J : Ya.

S97. : Selepas urusan bank in duit RM13500.00 ini, apa lagi selepas itu?

J : Tak ada apa-apa lah, tunggu masa untuk berlepas saja lah.

Mahkamah ini juga telah meneliti rekod Penyata akaun Simpanan bagi Bulan Oktober 2009 sehingga disember 2010 **(P5)** dan Rekod Buku Simpanan 22-007-114629-9 yang didaftarkan atas nama saksi **(SP3 – (P7))** yang mengesahkan bahawa jumlah tersebut sememangnya dimasukkan dalam akaun saksi **(SP3)**. **Pada hemat mahkamah ini, keadaan ini menjelaskan bahawa cerita (SP4) dan (SP5) mempunyai kebenaran.**

Persoalan: -

- *Mengapakah perlunya (SP5) membuat bayaran tersebut?*
- *Bayaran tersebut Untuk Siapa???*

30. Dalam Rekod Rayuan Jilid 1 muka surat 118 hingga 120, mahkamah ini telah meneliti keterangan panjang lebar (SP4) yang jelas menyatakan bahawa pada 15 Julai 2010, (SP4) bersama-sama dengan (SP3) telah pergi ke Bank Rakyat untuk mengeluarkan wang. Seterusnya **(SP4) telah menghubungi Perayu Pertama bagi menyerahkan wang. Kedua-dua mereka telah berjumpa pada hari tersebut diantara jam 3.30 petang hingga 4.00 petang di Jalan Raja Muda Musa Kampung Baru dan wang sebanyak RM6.750 telah diserahkan kepada Perayu Pertama.**

Jilid 1 Rekod Rayuan muka surat 118-120

- S103.: *Sekarang ini, yang kamu keluarkan berapa?*
J : *RM6750.00*
- S104.: *Tadi kamu kata RM250.00 untuk satu jemaah.
Adakah Haji Mohd Noor masukkan duit itu jumlah mengikut apa yang kamu setuju dengan Haji Mohd Noor?*
J : *Ye la, masuk seperti yang dipersetujui. Saya dapat maklumat daripada Haji Roslan kemudian saya sampaikan kepada Haji Mohd Noor.*
- S105.: *Dengar soalan saya dulu. RM250.00 untuk jemaah. Kamu bagikan nama tadi 29 nama. Adakah Mohd Noor masukkan duit itu, RM250.00 kamu kata tu dengan kali jumlah. Boleh kamu jelaskan? Apa yang Mohd Noor bagi tahu kamu?*
J : *Mohd Noor tak bagi tahu apa, cuma dia kata dia dah kredit dalam akaun, kemudian saya pergi ke bank sejumlah yang saya cakap tadi.*
- S106.: *Mohd Noor bagi tahu kamu macam mana?*
J : *Duit dah masuk, dia tidak sebut jumlah.*
- S107.: *Kamu minta daripada Mohd Noor RM250.00?*
J : *RM250 satu jemaah.*
- S108.: *Bila Mohd Noor dah masukkan duit, ada tak kamu*

menghubungi Roslan?

J : Saya mengeluarkan duit dulu, baru saya hubungi Roslan.

S109.: *Boleh bagi tahu mahkamah, pada 14.07.2010 pada sebelah petang kamu ada hubungi Roslan. Apa yang kamu bagi tahu kepada Roslan?*

J : Macam mana? Saya tak faham.

S110.: *Pada 14.07.2010, kamu hubungi Roslan. Boleh bagi tahu apa yang kamu cakap dengan Roslan?*

J : Saya cakap duit Haji Mohd Noor masuk kredit akaun. Kemudian saya nak serahlah.

S111.: *Roslan bagi tahu apa kepada kamu?*

J : Dia minta saya tunggu dia dekat jalan.

S112.: *Tunggu dekat jalan?*

J : Jalan rumah saya.

S113.: *Di mana rumah haji?*

J : Rumah saya di Kampung Baru, Jln Raja Muda Musa.

S114.: *Kemudian bila petang itu, adakah Roslan datang jumpa kamu di tempat yang kamu janji?*

*J : Roslan datang dengan kenderaan, kereta.
Kemudian saya bagi sejumlah duit itu dalam satu sampul, kemudian dia pergi. Tidak bercakap apapun.*

S115.: Berapa jumlah yang diberi kepada Roslan?

*J : **RM6750.00 dikala itu. Tak salah saya lah RM6750.00.***

S116.: Duit itu berkaitan dengan apa yang bincangkan?

J : Ya, seperti yang dibincangkan awal.

S117.: Mohd Noor masukkan duit itu jumlahnya untuk jemaah haji kali jumlah jemaah haji yang kamu bagi RM250 kali dengan 29 nama ya?

J : Saya bagi tahu 29.

S118.: Kamu bagi padi Roslan Cuma RM6750.00?

J : 27. Iya, 27 saja yang lulus dikala itu.

Persoalan:

- *Mengapakah kedua-dua (SP4) dan Perayu Pertama berjumpa???*
- *Untuk Apa perlu berjumpa??*
- *Perjumpaan dibuat dalam waktu pejabat???*
- *Mengapakah tidak berjumpa di Pejabat Saja???*

- *Mengapa perlu berjumpa diluar kawasan pejabat???*

Apa yang menarik lagi dalam kes ini, mahkamah ini setelah meneliti dokumen Penyata Maybank Cawangan Jalan Raja Muda Musa bagi Perayu Kedua (**P18**) mengesahkan bahawa pada 15 Julai 2010 jam 5.53 petang, ujud kemasukan wang RM2,700 kedalam akaun Perayu Kedua. Keadaan ini diterangkan oleh saksi (**SP17**) dalam keterangannya dimuka surat 486, Jilid 4 Rekod Rayuan.

S15. : *Boleh nyatakan kedua-dua transaksi tersebut?*

J : *Satu cash deposit berjumlah RM2700.00. Satu lagi transaksi pindahan dari akaun sebanyak RM2000.00.*

S16. : *Semasa diminta oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengeluarkan penyata yang begini daripada rekod yang disemak oleh Encik Mat Rizal dan maklumat daripada system, kemasukkan deposit ini pada jam berapa?*

Kita rujuk pada RM2700.00

J : ***Melalui semakan kami. transaksi ini berlaku pada 17.53 petang.***

S17 : *Kalau kita tukar kepada 12 hour, pukul 5.53 petang.*

J : *Ya. 5.53 petang.*

S18. : *Daripada semakan yang sama, kemasukkan atau wang tersebut dimasukkan di CDM mana?*

J : Jumlah wang ini dimasukkan di cash deposit di Maybank Cawangan Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur.

31. Berdasarkan kepada keterangan-keterangan saksi dan keterangan dokumentar, adalah **jelas pada pihak mahkamah ini bahawa penerimaan wang sebanyak RM6,750 oleh Perayu Pertama telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.** Hakim Mahkamah Sesyen telah mengambil kira perkara ini didalam penghakimannya dimuka surat 45 Rekod Rayuan, Jilid 1 seperti berikut:

(53) Mahkamah bersetuju dengan pandangan pihak pendakwaan bahawa Anggaran dibawah Seksyen 50(1) Akta SPRM 2009 adalah terpakai didalam kes ini. Ini kerana kedua-dua elemen awal kesalahan telah Berjaya dibuktikan;

(54) Berdasarkan penilaian keterangan semua saksi pihak pendakwaan sebagaimana dibentangkan didalam fakta kes diatas, Mahkamah mendapati secara positif bahawa sememangnya terdapat perbuatan penerimaan suapan tersebut oleh OKT.

Persoalan Peguam: (SP3)(SP4) seorang Accomplice???

32. Sungguhpun demikian, Peguambela Perayu Pertama telah mempersoalkan kredibiliti (SP4) apabila menyatakan bahawa (SP4) adalah seorang saksi yang tidak boleh dipercayai. Peguam

menyatakan bahawa (SP4) merupakan seorang Rakan Sejenayah (*Accomplice*) dan merupakan saksi yang berkepentingan. Dalam meneliti perkara ini, mahkamah ini ingin merujuk kepada peruntukan undang-undang Seksyen 52 Akta SPRM 2009 seperti berikut:

(1) *Notwithstanding any written law or rule of law to the contrary, in any proceedings against any person for an offence under this Act-*

(a) *no witness shall be regarded as an accomplice by reason only of such witness having-*

(i) *accepted, received, obtained, solicited, agreed to accept, or received, or attempted to obtain any gratification from any person*

(ii) *given, promised, offered or agreed to give any gratification; or*

(iii) *been in any manner concerned in the commission of such offence or having knowledge of the commission of the offence*

(b) *no agent provocateur, whether he is an officer of the commission or not, shall be presumed to be unworthy of credit by reason only of his having*

attempted to commit, or to abet, having abetted or having been engaged in a criminal conspiracy to commit, such offence if the main purpose of such attempt, abetment or engagement was to secure evidence against such person; and

(c) any statement, whether oral or written, made to an agent provocateur by such person shall be admissible as evidence at his trial

(2) Not with standing any written law or rule of law to the contrary, a conviction for any offence under this Act solely on the uncorroborated evidence of any accomplice or agent provocateur shall not be illegal and so such conviction shall be set aside merely because the court which tried the case has failed to refer in the grounds of its judgment to the need to warn itself against the danger of conviction on such evidence.

33. Seksyen 52 ASPRM adalah pari materia dengan peruntukan s. 44 Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 1997. Dalam kes **Rahiman bin Selamat dan lain-lain v. PP (2015) 3CLJ 92**, YA Tan Sri Ahmad Maarof (sekarang HMP) telah membincangkan secara terperinci mengenai isu rakan sejenayah di dalam peruntukan tersebut. Di akhir penghuraian tersebut Yang Arif Hakim yang bijaksana menyimpulkan bahawa:

“[61] Dalam pandangan saya adalah jelas bahawa kini sabitan boleh dibuat atas keterangan rakan sejenayah tanpa mahkamah perlu mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan atas keterangan rakan

sejenayah yang tidak di sokong. Ertinya, kaedah amalan dan prudence mengenai warning yang telah diikuti sebegitu lama itu tidak lagi perlu diikuti. Pada hemat saya kesimpulannya ialah-keterangan seseorang rakan sejenayah, kini tiada bezanya dengan keterangan saksi-saksi biasa yang lain. Keterangannya hendaklah dipertimbangkan seperti mana saksi-saksi biasa yang lain. Pada hemat saya inilah niat pembuat undang-undang mewujudkan peruntukan di bawah s.44(1)(a) dan s. 44(2) APR 1997”.

34. Berbalik kepada peranan (SP4) di dalam kes rayuan ini. Mahkamah ini tidak menafikan bahawa sememang di akui (SP4) berperanan menjadi orang tengah di antara (SP5) dan Perayu Pertama dan telah menyerahkan wang berjumlah RM6750 kepada Perayu Pertama. Namun begitu, **(SP4) mengatakan beliau hanya dimaklumkan mengenai bayaran RM250 bagi setiap seorang Jemaah haji yang lulus selepas dimaklumkan kelulusan telah diberikan.** (SP4) juga tidak tahu bagaimana Perayu menguruskan jemaah-jemaah haji untuk kelulusan. **Mahkamah ini telah meneliti dan berpandangan bahawa peranan (SP4) menjadi orang tengah menyerahkan nama-nama yang tidak layak untuk kelulusan mengejakan haji daripada (SP5) kepada Perayu Pertama dan menyerahkan wang kepada Perayu Pertama tidak menjadikan beliau seorang rakan sejenayah.**

35. Sungguhpun begitu, sekiranya dikatakan (SP4) seorang saksi berkepentingan, namun keterangan beliau haruslah dipertimbangkan dengan sewajarnya kerana tiada anggapan undang-undang bahawa keterangan saksi kepentingan tidak boleh dipercayai. **Mahkamah ini mendapati bahawa keterangan (SP4) di dalam kes ini disokong oleh keterangan (SP5), (SP2) dan (SP3).**
36. Dalam meneliti penghakiman kes ini dan hujahan pihak-pihak peguam dan Timbalan Pendakwa Raya, mahkamah ini juga merujuk kepada kes **Bakri Mohamad Ali v. PP (2009) 3 MLRH 132, (2010) 1 CLJ 611, Yang Arif Balia Yusof Wahi (sekarang HMP)** di dalam penghakiman menyatakan:

“[20] It is trite that corroboration is desirable in respect of accomplice evidence or trap witness (Mohd Sallehuddin v. PP (2003) 5 MLRH 302, (2005) 3 AMR 491, (2003) 1 LNS 687). In my view SP3 may be a trap witness but certainly not an accomplice (Sathasivam & 2 Ors v. PP (1948) 1 MLRH 239). Until cogent reasons for disbelief can be advanced in the light of evidence to the contrary and the surrounding circumstances, the evidence of SP3 whether she is a trap witness or an interested witness is entitled to credence. There is no legal presumption that an interested witness should not be believed (Balasingham v. PP (1959) 1 MLRH 585, [1959] 25 MLJ

193). *In PP v. A. Thomas (AIR) [1959] Madras 166, Ramaswani J, speaking of trap witnesses has the following to say : A trap witness is not an accomplice and he does not come under the category of persons whose evidence cannot be accepted in the absence of material corroboration. But at the same time as the system of employing trap witness will lend itself to abuses, court will closely scrutinize his testimony. **The weight to be attached to his evidence will depend upon the character of each individual trap witness.** Prudence at the same time requires that the courts would demand and the prosecution should adduce some corroborative evidence. That evidence adduced to corroborative this trap witness need not be strong, absolutely convincing or sufficient in itself to support a verdict of guilty, nor even equivalent to the swearing of one credible witness; any corroborative evidence –documentary or oral, direct or circumstantial – legitimately tending to connect the accused with the commission of the offence may be sufficient to warrant a conviction although standing by itself it would be only slight proof of accused's guilt and entitled to but little consideration and even though it is not wholly inconsistent with the innocence of the accused. On the other hand, evidence which merely raises a suspicion that accused is the guilty party is not sufficiently corroborative of the testimony of a trap witness to warrant a conviction nor will uncertain or equivocal corroboration*

suffice. No general rule can be stated with respect to the quantum of evidence corroborating a trap-witness's testimony. Each case must be governed by its own circumstances keeping in view the nature of the crime, the character of the trap-witness's testimony and the general requirements necessary to sustain a conviction. (Bakri Mohamad Ali v. PP (2009) 3 MLRH 132, (2010) 1 CLJ 62) I have given every consideration and have scrutinized the appeal record in its entirety, and I find no sufficient reason to fault the learned trial judge's consideration and evaluation of the evidence of SP3 in respect of the second charge. There is ample evidence of corroboration of her evidence as regards the receipt of the cheque and the money...

37. Mahkamah ini juga meneliti penghakiman kes: **Pendakwa Raja v. Rahiman Selamat, MTKL Rayuan Jenayah (2015) 3 CLJ 92**) yang memeruntukan sebegini:

*".....Seksyen 44 yang dibincangkan di dalam kes tersebut adalah sama dengan peruntukan didalam S. 52 ASPRM 2009. Sehingga kini kedudukan keterangan saksi yang dianggap rakan sejenayah sepertimana (SP 1) didalam kes ini adalah sama. **Sokongan bukan lagi kemestian.....***

Mengenai keterangan tertuduh yang dikatakan bercanggah, menurut peguam, telah menjejaskan kredibiliti (SP 1) dan keterangannya seharusnya tidak diterima mahkamah. Mahkamah akui memang tertuduh agak sukar dalam memberikan jawapan-jawapan yang selari sepanjang masa bila memberi keterangan. Perlu diingat beliau member keterangan di dalam Bahasa Tamil. Walaubagaimana terjemahan kepada keterangannya tidak menimbulkan apa-apa kesangsian kepada mahkamah. Mengenai keseragaman keterangannya walaupun perkataan-perkataan atau ayat-ayat yang diterjemahkan menggunakan perkataan-perkataan Bahasa Malaysia yang berbeza namun ia tidak lari dari ertikata elemen yang diperlukan didalam kesalahan bagi pertuduhan yang tertuduh hadapi. Ini menunjukkan semasa memberi keterangan (SP 1) berfikir dan tidak seolah-olah telah “diajar” untuk menuturkan perkataan yang sama bagi setiap soalan. **“If there are no discrepancies it might be suggested that (they) had concocted their accounts of what happened or what had been said because their version are too consistent”**. Kes: **PP v. Datuk Haji Harun Idris (1977) 1 MLRH 438, (1977) 1 MLJ 15**. Oleh itu penggunaan perkataan-perkataan yang berbeza oleh (SP 1) dalam menjawab soalan bagi mahkamah ini bukanlah merupakan percanggahan yang mengubah keterangan-

keterangan (SP 1) kepada maksud yang sangat berbeza.....”

38. Justeru itu, setelah meneliti segala keterangan saksi-saksi pendakwaan secara keseluruhannya, **mahkamah ini mendapati bahawa (SP3) (SP4) bukanlah Rakan Sejenayah (Accomplice). Mahkamah ini mendapati terutamanya (SP4) merupakan saksi yang dilindungi menurut Seksyen 52 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang mana keterangannya boleh di terima Mahkamah tanpa sokongan dalam prosiding perbicaraan kes ini. Mahkamah ini ingin merujuk kepada penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes **PP v. Dato’ Hj. Azman Mahalan (2010) 1 MLRA 613), (2010) 6 CLJ 24** di muka surat 46 perenggan 16 menyatakan:**

*“[16] To add to the armoury of the prosecution, the above s.44 of the Act succinctly provides that **no witness shall be regarded as an accomplice by reason only of such witness having accepted, received obtained, solicited, agreed to accept or receive or attempted to obtain any gratification from any person.**”*

Seterusnya di perenggan 21 muka surat 48;

*“[21] Since **an accomplice is a competent witness** and regardless of SP1’s status, due to the abundance of evidence to substantiate his evidence regarding the gratification payment, we were satisfied that the prosecution had successfully a prima facie case for the first charge.”*

39. Mahkamah ini juga merujuk kepada kes **Raman Mariappen v. PP (2008) 4 MLRH 759, (2011) 1 CLJ 739** di perenggan 4,5 dan 6 mulai muka surat 743 hingga 745 menyatakan:

*“[4] The learned Ms Deputy Cik Roziza had on the other hand, cited the unreported case of **Pendakwa Raya Lwn. Rahiman Selamat** [Dalam Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur (Rayuan Jenayah No.42A-21-2001] in reply. I had the advantage of reading the decision by learned **Justice Dato Ahmad b. Hj. Maarof J** (as he then was) in that case where His Lordship, after tracing the long and chartered historical path that had been taken in relation to the treatment by the courts of an accomplice’s evidence in connection with a trial on a charge involving corruption, had given a literal interpretation to s. 44 ACA 1997 in particular with respect to s. 44(a)(iii) therein, as the language employed in them had been very clear and unambiguous. At the end of his exhaustive walkthrough and analysis on the said s. 44 of*

the ACA 1997 this is what the learned judge had said at p. 59-60 of his judgement in its original language:

*Kesimpulannya, hakim bicara kedua mendapati bahawa SP1 adalah rakan sejenayah dan keterangannya perlu disokong sebelum Mahkamah dapat menerimanya sebagai keterangan yang credible. Berdasarkan kepada huraian yang telah saya buat mengenai seksyen 44 APR 1997, keputusan yang dibuat oleh hakim bicara kedua itu adalah tidak betul. Dalam penghakiman saya beliau telah membuat tafsiran yang silap tentang seksyen 44 APR 1997. **Saya telah menyatakan bahawa perkataan-perkataan “telah dengan apa-apa cara terlibat dalam perlakuan kesalahan itu atau tahu tentang perlakuan kesalahan itu”, yang jelas di bawah seksyen 44 (1)(a)(iii) APR 1997 itu, membawa maksud bahawa penglibatan seseorang itu dalam perlakuan itu dengan apa-apa jua sekali pun tidak menjadikannya seseorang rakan sejenayah.** (emphasis added).*

Indeed the learned judge had opined at p. 55 in his judgment as follows:

Dalam pandangan saya adalah jelas bahawa kini sabitan boleh dibuat berdasarkan atas keterangan rakan sejenayah tanpa Mahkamah perlu mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan atas keterangan rakan sejenayah yang tidak disokong. Ertinya, kaedah amalan dan prudence mengenai warning yang telah diikuti sebegitu lama itu tidak lagi perlu diikuti, Pada hemat saya kesimpulannya ialah – keterangan seorang rakan sejenayah, kini tiada bezanya dengan keterangan saksi-saksi biasa yang lain. Pada hemat saya inilah niat pembuat undang-undang mengwujudkan peruntukan di bawah seksyen 44 (1)(a)(iii) dan seksyen 44(2) APR 1997. (emphasis added).

[5] *The express wording as contained under s. 44(1)(a)(iii) of the ACA 1997 therein clearly stipulates that no witness shall be regarded as an accomplice by reason only of such witness having, among others, been in any manner concerned in the commission of such offence or having knowledge of the commission of the offence...*

[6] *With respect, I agree with the decision in the Rahiman's case (supra) pertaining to the learned judge's*

*interpretation of s. 44 of the ACA 1997, in particular, his articulation on true import of s. 44(1)(a)(iii) of the same the clear intent of the Parliament in introducing this amendment in 1997 must be given its due effect accordingly. The opening words employed by the drafters in couching the said section could not be more clear for it says as follows : “44(1) Notwithstanding any written law of rule of law to the contrary,..” **As such, I agree with Justice Ahmad Maarof’s conclusion in the Rahiman’s case (supra) that howsoever a witness is involved in the commission of a crime under the ACA 1997 he can never be regarded as an accomplice. The issue of a witness exceeding or playing the infamous role to profile an accomplice in corruption charge under the ACA 1997 does not arise anymore.”***

40. Dalam hal ini, walaupun keterangan **(SP4)** dilindungi di bawah seksyen 52 tersebut, Mahkamah mendapati **keterangan (SP4)** masih turut disokong dengan keterangan lain terutamanya melalui **keterangan (SP2), (SP3), (SP5) dan (P7)** dalam membuktikan Perayu Pertama telah menerima wang suapan secara rasuah. **Walaupun tiada saksi-saksi yang nampak penyerahan dan penerimaan wang tersebut, tetapi Mahkamah ini tetap yakin bahawa dengan gabungan keterangan-keterangan diatas, peristiwa penerimaan wang oleh Perayu Pertama sememangnya berlaku.**

41. Berdasarkan kepada perkara-perkara diatas, mahkamah ini ingin menegaskan bahawa keputusan Hakim Sesyen semasa menerima pakai keterangan **(SP4)** dalam mensabitkan Perayu Pertama adalah selaras dan menurut peruntukan Seksyen 52 Akta Suruhanjaya Rasuah Malaysia undang-undang.

42. Berdasarkan kepada fakta-fakta diatas, **Mahkamah ini bersetuju dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen bahawa suatu kes Prima facie telah terbukti dan memanggil Perayu untuk membela diri.**

Persoalan Peguam:

Berapakah Jumlah Sebenar yang dikatakan diberi oleh (SP4) kepada Perayu Pertama. Adakah RM13,500 ataupun RM6,750??

43. Dalam isu ini, peguam menyatakan bahawa memandangkan dalam keterangan **(SP3)** menyatakan bahawa beliau telah membuat pengeluaran wang sebanyak RM13,500 untuk diberikan kepada "Seseorang" dan terus meletakkan wang tersebut kedalam envelope dan diberikan kepada **(SP4)**. Walhal dalam keterangan **(SP4)** menyatakan bahawa isterinya **(SP3)** telah keluarkan wang sebanyak RM6,750 untuk diberikan kepada Perayu Pertama. Memandangkan ujudnya percanggahan jumlah wang tersebut, maka timbul persoalan berapakah jumlah wang yang dikatakan telah diberikan oleh **(SP4)** kepada Perayu Pertama. Peguam menyatakan bahawa

memandangkan perbezaan jumlah wang yang sangat ketara, maka keterangan **(SP4)** tidak boleh dipercayai dan kebenaran cerita perihal memberikan wang kepada Perayu Pertama adalah terjejas. Kalaulah sebegitu, maka pihak pendakwaan tidak dapat membuktikan kes penerimaan wang oleh Perayu Pertama dan Perayu Pertama tidak boleh dianggap menerima wang secara Rasuah. Justeru itu kes pendakwaan akan gagal diperingkat “Prima Facie” lagi.

44. Dalam meneliti isu ini, **mahkamah ini mendapati bahawa hanya mengenai jumlah wang yang dipertikaikan oleh pihak peguam. Tiada dalam mana-mana peringkat semasa disoal balas saksi-saksi pendakwaan, peguam mempertikaikan bahawa Perayu Pertama tidak menerima wang daripada (SP4).** Tiada apa-apa jua soalan yang meletakkan beban kepada mana-mana saksi bahawa Perayu Pertama tidak menerima wang daripada (SP4).

Rekod Rayuan, Jilid 1 mukasurat 134 (soalan Balas)

S78: Saya cadangkan juga, soalan seterusnya soalan kedua. Memandangkan tak kira, Haji Sam tak tahu berapa sebenarnya jumlah duit dalam sampul surat itu. Setuju ataupun tidak. Itu saja??

J : Tak Setuju. Saya tahu RM6750-00 itu

Mahkamah ini mendapati bahawa kalaulah benar peguam begitu serious mengenai kejadian penerimaan wang ini tidak berlaku, mengapakah tiada satu soalan pun yang meletakkan beban kepada (SP4) bahawa Perayu Pertama tidak berjumpa dan menerima wang tersebut. Sepatutnya peguam perlu menekankan saksi ini: SAYA KATAKAN PADA AWAK OKT 1 INI TIDAK MENERIMA WANG TERSEBUT.....SAYA KATAKAN PADA AWAK OKT 1 INI TIDAK MENERIMA RM6,750 PADA HARI TERSEBUT.....SAYA KATAKAN PADA AWAK CERITA AWAK INI TIDAK BENAR??? Malahan mahkamah ini mendapati bahawa saksi (SP4) apabila disoal secara bertalu-talu menegaskan **SECARA BERKALI-KALI** bahawa beliau telah menyerahkan wang RM6,750 kepada Perayu Pertama. Apakah nilai probative hujahan peguam apabila di peringkat kes rayuan ini, menyatakan bahawa memandangkan terdapat percanggahan keterangan diantara keterangan saksi (SP3) dan (SP4) mengenai jumlah wang yang terlibat, maka kedua-dua saksi ini tidak bercakap benar dan justeru itu mahkamah ini harus menolak keterangan mereka. Sekiranya begitu, maka cerita mengenai penerimaan wang tidak mungkin berlaku. Dalam meneliti keterangan kedua-dua saksi ini, **mahkamah ini mendapati bahawa percanggahan yang ketara adalah mengenai jumlah wang yang terlibat sahaja**. Dalam menilai keterangan (SP4) samada kejadian penerimaan wang itu benar-benar berlaku, mahkamah ini mengambil kira keterangan (SP3) mengenai pengeluaran wang RM13,500. Persoalan yang berkisar diperingkat ini adalah:

- **Mengapakah (SP3) perlu mengeluarkan wang tersebut??**
- **Mengapakah (SP3) perlu berikan kepada (SP4)??**
Kalaupun tidak dapat dipastikan samada jumlah yang diberikan itu adalah RM13,500-00 ataupun RM6,750-00, tetapi yang pastinya adalah ujud wang diserahkan oleh **(SP3)** kepada **(SP4)** dan wang yang diserahkan oleh **(SP3)** kepada **(SP4)** itu kemudiannya diserahkan kepada Perayu Pertama. Mahkamah ini mendapati pihak peguam tidak mempertikaikan pengeluaran wang yang dibuat oleh **(SP3)**. Kalaupun begitu, persoalannya adalah **(SP3) keluarkan wang itu untuk apa???** Peguam juga tidak mempertikaikan penyerahan wang oleh **(SP3)** kepada **(SP4)**, walaupun disangsikan berapakah jumlah wang yang terlibat. Kalaupun begitu, **mengapakah wang milik orang lain diberikan kepada (SP4)?? Untuk Apa??** Kalaupun begitu, mahkamah ini mendapati bahawa cerita penyerahan wang oleh **(SP3)** kepada **(SP4)** dan **(SP4)** menerima wang untuk diserahkan kepada Perayu Pertama adalah cerita yang benar. Mahkamah ini tidak meragui kebenaran cerita kedua-dua saksi **(SP3)** dan **(SP4)**. Dalam keadaan ini sekiranya disangsikan keterangan **(SP3)** dan **(SP4)** samada wang tersebut benar-benar berada dalam akaun **(SP3)**, mahkamah ini mendapati melalui dokumen **(P7)** berkenaan akaun milik **(SP3)** jelas terdapat pengeluaran wang RM13,500. Sekali lagi, **mahkamah ini ingin menegaskan bahawa melalui (P7) ini, mahkamah ini mendapati**

bahawa cerita mengenai wang yang diserahkan oleh (SP3) kepada (SP4) adalah cerita yang benar.

- Kalaulah wang yang banyak telah berada dalam akaun milek **(SP3)**, persoalannya **siapakah yang masukkan wang itu???** **Untuk apa dimasukkan wang sebanyak itu kedalam akaun (SP3)???** Kalaulah perkara wang ini ada dibincangkan oleh **(SP4)** kepada **(SP5)**, mengapakah perlunya dimasukkan wang itu kedalam akaun **(SP3)???** Apakah kaitannya?? Dalam persoalan ini, melalui keterangan **(SP4)** dan **(SP5)** adalah jelas menyatakan bahawa **(SP5)** telah memasukkan wang itu dan wang itu perlu dimasukkan kedalam akaun **(SP3)** kerana **(SP4)** tidak mempunyai akaun bank. Justeru itu, mahkamah ini mendapati bahawa isu mengenai wang tidak dapat diketepikan sama sekali.
- **Kalaulah wang berjumlah RM13,500-00 itu perlu dimasukkan oleh (SP5) kedalam akaun (SP3), persoalannya mengapa, mengapa, dan mengapa???** Perkara mengenai wang ini **(SP4)** telah dimaklumkan oleh Perayu Pertama bahawa 27 orang nama dalam senarai telahpun diluluskan dan Perayu Pertama memberitahu bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM250-00 untuk seorang jemaah. **(SP4)** kemudiannya memaklumkan mengenai bayaran ini kepada **(SP5)** dan **(SP5)** akan memasukkan wang tersebut kedalam akaun. Keterangan

(SP4) ini sangat konsisten dengan keterangan yang diberikan oleh **(SP5)**. Dalam keadaan yang sedemikian, mahkamah ini mendapati bahawa **ujud keperluan untuk memasukkan wang tersebut dan cerita (SP4) untuk memberikan wang kepada Perayu Pertama semakin terserlah dan menjadi kenyataan.**

45. Sungguhpun terdapat percanggahan keterangan **(SP3)** dan **(SP4)** mengenai jumlah wang yang terlibat, mahkamah ini mencari-cari jawapan diantara konflik ini. Mahkamah ini mendapati bahawa **sekiranya 27 orang nama jemaah telah diluluskan dan setiap seorang dikenakan bayaran sebanyak RM250-00, maka jumlah wang yang terlibat adalah RM6,750-000. Justeru itu, mahkamah ini mendapati bahawa keterangan (SP4) bahawa beliau telah menyerahkan wang berjumlah RM6,750-00 mempunyai justifikasi dan tidak boleh diketepikan begitu sahaja.** Mahkamah ini mendapati bahawa fakta ini sangat kukuh bagi menjelaskan kekeruhan mengenai berapa jumlah yang terlibat dalam kes ini. Mahkamah ini mendapati bahawa dengan ketiadaan sebarang soalan penekanan kepada **(SP4)** daripada pihak peguam mengenai peristiwa penyerahan dan penerimaan wang RM6,750-00 itu, mahkamah ini mendapati bahawa cerita tersebut benar-benar berlaku. Walaupun tiada seorang saksi pun yang nampak perlakuan tersebut, tetapi mahkamah ini mendapati bahawa keterangan **(SP3)**, **(SP5)** dan dokumen **(P7)** menyokong diantara satu sama lain bahawa cerita Perayu Pertama menerima wang tersebut sememangnya benar-benar berlaku. Mahkamah ini mendapati

bahawa hujahan pihak peguam bahawa keterangan **(SP3)** dan **(SP4)** yang merupakan rakan sejanayah dan tidak kedapatan sebarang keterangan sokongan adalah tidak mempunyai sebarang merit dan perlu diketepikan. Dalam keadaan yang sedemikian, **mahkamah ini mempunyai kedapatan yang sama dengan Hakim Mahkamah Sesyen bahawa jumlah yang terlibat yang diserahkan oleh (SP3) kepada (SP4) adalah tidak material yang boleh menjejaskan kes ini, tetapi yang pastinya adalah Perayu Pertama sememangnya telah menerima wang RM6,750-00 daripada (SP4).**

46. **Mahkamah ini juga telah meneliti berkaitan dengan isu percanggahan keterangan antara saksi-saksi (SP3)(SP4), jika ia berlaku percanggahan tersebut ianya hanya jumlah wang yang diberikan oleh (SP3) kepada (SP4) dan tidak melibatkan isu utama mengenai penerimaan wang atau fatal dan seterusnya tidak akan melemahkan kes Responden. Dalam kes **PP v Datuk Haji Harun Bin Idris (No.2)**(supra) di muka surat 19 memutuskan;**

*“In my opinion discrepancies there will be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened. It may be open to criticism, or it might be better if they took down a note book and wrote down every single thing that was said. But they did not know they are going to be witness at this trial. I shall be most inclined to think that **if there are no discrepancies, it***

might be suggested that they have concocted their accounts of what had happened or what had been said because their versions are too consistent. The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other. It is, therefore, necessary to scrutinize each evidence very carefully as this involves the question of weight to be given to certain evidence in particular circumstances.

Persoalan:

Jemaah Haji yang terlibat hanya berhubungan dengan (SP5) dan bukannya dengan Perayu Pertama??

47. Dalam keadaan yang sedemikian, tiada seorang jemaah pun yang mengenali Perayu Pertama dan tiada seorangpun yang berurusan dengan Perayu Pertama. Melalui keterangan **(SP5)** adalah diakui bahawa kesemua jemaah yang terlibat seringkali berurusan dengannya. Dalam keadaan yang sedemikian, mahkamah ini mendapati bahawa cerita penerimaan wang oleh Perayu Pertama tidak terjejas sama sekali. **Mahkamah ini mendapati bahawa segala rangkaian keterangan wang yang dikutip oleh (SP5) yang**

dimasukkan kedalam akaun (SP3) dan wang diberikan kepada (SP4) dan kemudiannya (SP4) menyerahkan kepada Perayu Pertama adalah IN TACT. Sungguhpun begitu, tujuan asal penerimaan wang tersebut telahpun dibuktikan iaitu sebagai upah untuk melakukan satu perkara iaitu untuk tolong menguruskan nama-nama jemaah haji (seperti yang dinyatakan di Lampiran A) yang tidak layak menunaikan haji pada tahun 2010 bersamaan 1413H dapat pergi menunaikan haji pada tahun 2010 bersamaan 1413H.

48. Mahkamah ini ingin merujuk kepada penghakiman kes Mahkamah Persekutuan, **PP v. Ku Yahya Ku Bahri & Anor (2001) 1 MLRA 650, (2000) 3 CLJ 162:**

“However, when the prosecution invokes the presumption under s. 14 of the Act, then a particular burden of proof, as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumption on a balance of probabilities. This, from a defence point of view, is heavier than the burden of casting a reasonable doubt but is lighter than the burden of the prosecution to prove beyond a reasonable doubt.”

49. Begitu juga dalam kes Mahkamah Persekutuan, **Thavanathan a/l Subramaniam v. PP (1997) 1 MLRA 191, (1997) 3CLJ 150** memutuskan.

*“In any event, in the instant case, once it is proved that the money RM15,000 had been given to or received by the accused, **the presumption under s. 14 of the Act arose that the money had been given and received corruptly as an inducement or reward to acquit and discharge PW2 of the offence in the criminal case. It was then for the accused to give an innocent explanation which the Court considered more likely than not that it was true**”.*

50. Kedua-dua kes diatas adalah bersamaan dengan kes: **PP v. Yuvaraj (1968) 1 MLRA 606, (1968) 1 MLJ 238 (PC)**

*“Upon the true construction of the Evidence Ordinance, 1950, and the Prevention of Corruption Act, 1961, there is no relevant difference between the two description of the burden of rebutting the presumption of corruption which are contained in the question if **“the burden of rebutting this presumption can be said to be discharged by a defence as being reasonable and probable”** is understood as meaning “the burden of rebutting such presumption is discharged if the court considers that on the balance of probabilities the gratification was not paid or given and received corruptly as an inducement or reward as mentioned in section 3 or 4 of the Prevention of Corruption Act, 1961”.*

51. Dalam kes: **Attan bin Abd Ghani v. PP (1969) 1 MLRH 58, (1970) 2MLJ 143**

“Once it is proved that the gratification has been paid or received then in the words of section 14 of the Act “Such gratification shall be deemed to have been paid or given or received corruptly...” The presumption at once arises under the section. This presumption is a presumption of law and it is obligatory on the court raise it in every proceeding for an offence under section 3 or 4 of the Act provided it is proved that the gratification had been paid, given or received. The prosecution has not to establish anything more than the payment of money (See State of Madras v. Vaidyanatha Iyer and Emden v.State of Uttar Pradesh). It then becomes the duty of the accused to disprove what section 14 begins to presume against him.

52. Adalah menjadi pendapat mahkamah ini bahawa berdasarkan keterangan-keterangan diatas dan hujahan pihak-pihak, mahkamah ini mendapati bahawa segala keterangan mengenai penerimaan wang RM6,750-00 oleh Perayu Pertama telah dibuktikan dan diambil kira oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Menurut peruntukan undang-undang dibawah Seksyen 50(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, apabila penerimaan wang telah Berjaya dibuktikan, maka wang tersebut adalah dianggap diterima secara rasuah sebagai upah untuk melakukan satu perkara iaitu untuk tolong menguruskan nama-nama jemaah haji (seperti di Lampiran A) yang tidak layak menunaikan haji pada tahun 2010 bersamaaan 1413H dapat pergi menunaikan haji pada tahun 2010 bersamaaan

1413H. Justeru itu, mahkamah ini mendapati bahawa keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang mendapati bahawa suatu kes Prima Facie telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah betul dan menurut peruntukan undang-undang. Mahkamah ini mendapati tiada satu justifikasi pun bagi mengubah keputusan yang dicapai tersebut.

Beban Pembuktian Kes Pembelaan

53. Di Akhir kes pembelaan, mahkamah ini telah merujuk kepada beberapa kes dibawah bagi mengetahui tugas-tugas mahkamah yang perlu diambil kira sebelum sesuatu keputusan akhir dapat diadakan. Mahkamah ini telah merujuk kepada *Kes: Arulpragasam a/l Sandaraju v. Public Prosecutor (1996) 1 MLRA 588, (1996) 4 CLJ 597, (1997) 1 MLJ at. 76 (FC)* yang menyatakan:

*“.....the second stage comes after the defence has been called. **The defence can either rebut the prosecution evidence or raise a reasonable doubt as to the truth of the prosecution case.** At the end of the defence case, it is the duty of court to consider the defence evidence in the light of the prosecution evidence. The court considers the case as a whole. Then and only then, the court will make a finding on the guilt of the accused. This is pursuant to section 183 of the Code.....”*

54. Dalam kes: **Yap Sing Hock & Anor v. Public Prosecutor (1992) 1 MLRA 86, (1992) 2 MLJ 714 (SC)**

*“.....It is a fundamental principle in our law that the prosecution has to prove every ingredient of the offence or charge beyond a reasonable doubt.....the onus never changes. **There is no duty cast on an accused person to established his innocence.....”***

55. Begitu juga dalam Kes:**Pendakwa Raya lawan Mohd Radzi bin Abu Bakar ((2005) 2 MLRA 590, (2006) 6 CLJ 465(FC)** yang mana Mahkamah Persekutuan juga menerima pakai ujian-ujian yang disyaratkan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes: Looi Kow Chai. Justeru itu secara ringkasannya adalah seperti berikut:

*(i) the close of Prosecution’s case, subject to the evidence led by the Prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinize the credibility of each of the Prosecution’s witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. **If the evidence admits two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;***

(ii) ask yourself the question, IF I now call upon the accused to make his defence and he elects to

remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is "YES" the defence should be called. If the answer is "NO" then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) After the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

*(iv) After defence is called, the accused elect to give evidence, then go through the steps set out in **Mat v.PP (1963) 1 MLRH 400, (1963) MLJ 263***

56. Justeru itu, Di Akhir pembelaan diri Perayu Pertama adalah menjadi tugas mahkamah untuk menimbangkan samada keterangan pembelaan diri Perayu telah berjaya menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah keatas kes pendakwaan ataupun mematahkan Anggapan kes pendakwaan. Seksyen 173(m) dan 182A Kanun Prosedur Jenayah menghendaki mahkamah menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan dihadapannya dan hendaklah memastikan samada pendakwaan telah membuktikan kesnya hingga tiada keraguan munasabah (*has proves its case beyond reasonable doubt*).

57. Didalam kes rayuan dihadapan mahkamah sekarang, mahkamah ini juga perlu menilai samada Hakim Mahkamah Sesyen telah benar-benar menuruti segala peruntukan undang-undang dan juga merujuk kepada nas-nas yang ditetapkan dalam memberikan keputusan yang adil.
58. Meneliti kepada Rekod-rekod rayuan, mahkamah ini mendapati bahawa pembelaan Perayu Pertama adalah seperti berikut:
- (i) Perayu Pertama menafikan telah menerima RM6750.00 daripada SP4 pada waktu dan tempat yang material seperti mana pertduhan.
 - (ii) Perayu Pertama juga menimbulkan kemungkinan pada waktu yang material beliau sedang berada di pejabat.
 - (iii) Perayu Pertama semata-mata menafikan semua keterangan yang di kemukakan ke atas beliau.
 - (iv) Perayu Pertama hanya menafikan tanpa mengemukakan apa-apa keterangan sokongan.
 - (v) Perayu Pertama juga sekadar menafikan telah depositkan sejumlah RM2700.00 ke dalam akaun Maybank Perayu Kedua.
 - (vi) Perayu Perayu langsung tidak memberikan penjelasan bahawa wang RM6750.00 yang diterima oleh beliau daripada SP4 adalah bukan secara rasuah.
 - (vii) Keterangan Perayu Pertama tidak disokong oleh mana-mana keterangan saksi lain mahu pun keterangan dokumentar.

59. Dalam menyampaikan Keputusan, mahkamah ini ingin merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan iaitu kes **D.A. Duncan v PP (1980) 1 MLRA 55, (1980) 2 MLJ 195**, pada perenggan D menyatakan;

*“The defence was, in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High Court came in our view, to the correct conclusion that this **denial did not cast a reasonable doubt on the prosecution case against the appellant**”.*

60. Begitu juga dalam kes **PP v Ling Tee Huah (1980) 1 MLRA 416, (1982) 2 MLJ 324** di muka surat 326,

“A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution’s evidence is not sufficient”.

61. Setelah diuji keterangan kes pembelaan dengan kes pihak pendakwaan, mahkamah ini mendapati bahawa segala pembelaan yang dikemukakan oleh Perayu Pertama menjurus kepada pembelaan penafian semata-mata (mere denial) dimana ia

bertentangan dengan keterangan kukuh saksi-saksi pendakwaan. Bukan setakat itu, malah pembelaan Perayu Pertama juga adalah *afterthought* yang mana sekiranya benar Perayu berada didalam Pejabat pada waktu sepertimana dalam pertuduhan, mengapakah tiada satupun soalan ditimbulkan oleh pihak peguam ataupun disoal balas serta mencabar saksi-saksi pendakwaan. Mahkamah ini mendapati bahawa sekiranya pihak peguam serious mengenai isu ini, apabila ditimbulkan dalam pemeriksaan utama beliau bahawa pada waktu material seperti mana pertuduhan beliau sedang ada di pejabat:

Jawapan: "...15 Julai itu semak hari Khamis... Antara jam 3.30 ke 4.00 petang adalah waktu kerja saya. ...Pada waktu sebegitu daripada segi logiknya saya berada di pejabat."

Pada hemat mahkamah ini, isu ini adalah keterangan penting yang mana Perayu Pertama gagal timbulkan semasa peringkat pendakwaan lagi. Mahkamah ini mendapati bahawa keterangan mustahak sebegini sewajarnya jika benar sudah pasti mampu melepaskan Perayu Pertama daripada pertuduhan. Tetapi sayangnya, keterangan ini bukan sahaja pada hemat mahkamah ini suatu rekaan bahkan tidak dicabar langsung kepada (SP4) ataupun mana-mana saksi pendakwaan.

PERTIMBANGAN KES RAYUAN BAGI PERAYU KEDUA

Undang-undang bagi kesalahan Akta Jenayah Komputer 1997

62. Menurut peruntukan seksyen 5(1) Akta Jenayah Komputer 1997 elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi memperolehi Sabitan dalam suatu Kes Prima Facie adalah seperti berikut:

- (a) Perayu Kedua telah menggunakan computer Elite Book 6930p, nombor serial notebook 2CE841Z2TR serta no Mac Address 00-21-5D-A4-74- F6(W);
- (b) Perayu Kedua telah membuat capaian ke Pengkalan Data Tabung Haji dan telah memasukkan rekod Jemaah haji (seperti yang dinyatakan di lampiran A) dengan menggunakan program khas iaitu Win SQL tanpa kuasa;
- (c) Perayu Kedua mempunyai pengetahuan bahawa perbuatan tersebut menyebabkan pengubahsuaian kandungan pengakalan data Sistem Haji untuk Lembaga Tabung Haji.
- (d) Justeru itu, sekiranya elemen-elemen (a), (b) dan (c) telah dibuktikan, maka Perayu Kedua bolehlah dianggap telah memperolehi capaian tanpa kuasa kepada program, data atau maklumat itu melainkan sekiranya dibuktikan sebaliknya.

Penghujahan Pihak Peguam Perayu Kedua

63. Pihak Peguam Perayu telah tidak berpuashati dengan perintah dan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen atas alasan-alasan berikut:

- (a) Merujuk kepada MAC Address yang diperolehi daripada program COMPUWARE yang dibekalkan oleh TM, ianya hanya mengenalpasti computer/ laptop yang dikatakan melakukan pencerobohan, tetapi tidak mengenal pasti penceroboh sebenar atau orang yang beretanggungjawab menggunakan (P14) sepertimana dalam pertuduhan;
- (b) Keterangan-keterangan menunjukkan bahawa Perayu Kedua tidak berada di tempat dan masa sepertimana pertuduhan. Berdasarkan kepada senarai kehadiran Perayu Kedua ke pejabat, menunjukkan beliau tidak berada di pejabat sepertimana didalam pertuduhan pertama. Kehadiran petugas-petugas di Tabung Haji menggunakan system BIO dimana kakitangan akan masuk (check in) dengan menggunakan ibu jari mereka sendiri;
- (c) Daripada (**IDD4**) jelas bahawa selepas 5.16 petang, Perayu Kedua tidak lagi berada didalam pejabat. Oleh yang demikian, intipati pertuduhan keatas Perayu Kedua

bagi ketiga-tiga pertuduhan telah sama sekali gagal untuk dibuktikan;

- (d) Tect Document-tect document text-setup yang menggunakan program WIN SQL dalam (P14) yang dibuka tidak langsung mengandungi nama-nama 27 jemaah haji didalam ketiga-tiga pertuduhan terhadap Perayu Kedua;
- (e) Pihak Pendakwaan gagal untuk membuktikan bahawa computer **(P14)** dimiliki secara eksklusif oleh Perayu Kedua sahaja walhal ianya terletak didalam pejabat yang terbuka dan pass word **(ID)** boleh dimiliki oleh semua pihak.

64. Sepertimana pertimbangan dibuat dalam kes rayuan melibatkan Perayu Pertama, dalam menilai keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Mahkamah ini telah menilai rekod Rayuan dan memberikan segala pertimbangan yang sewajarnya keterangan saksi-saksi pendakwaan dan hujahan oleh kedua-dua pihak pendakwaan dan pihak peguam. Dalam meneliti segala rekod-rekod rayuan dan alasan penghakiman oleh Hakim Mahkamah Sesyen, mahkamah ini perlu memutuskan isu-isu yang timbul semasa perbicaraan dan rayuan bagi menentukan samada Hakim Sesyen telah mengguna pakai peruntukan undang-undang secara jelas dan betul sebelum kes ini dipanggil untuk pembelaan.

PERSOALAN PERTAMA

Adakah samada elemen-elemen dibawah seksyen 5(1) AKTA Jenayah Komputer 1997 telah Berjaya dibuktikan oleh pihak Pendakwaan dan Anggapan menurut Seksyen 8 Akta yang sama terpakai terhadap Perayu Kedua??;

65. Dalam meneliti isu ini secara lebih lebih terperinci, adalah perlu untuk melihat peruntukan undang-undang berkaitan dengan pertuduhan seperti berikut:

“5. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan sekiranya dia melakukan apa-apa perbuatan yang dia tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa akan kandungan mana-mana computer.

(2) Bagi maksud seksyen ini, adalah tidak material bahawa perbuatan berkenaan tidak ditujukan kepada-
(a) Mana-mana program atau data yang tertentu;
(b) Suatu bentuk program atau data; atau

(c) Suatu program atau data yang disimpan dalam mana-mana computer yang tertentu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, adalah tidak material samaada suatu pengubahsuaian tanpa kuasa berlaku, atau yang dikehendaki berlaku, kekal atau hanya sementara.”

Sementara Seksyen 2(5) Akta Jenayah Komputer 1997 pula menyatakan;

“S.2(5) *Bagi maksud Akta ini, capaian dalam apa-apa bentuk oleh mana-mana orang kepada apa-apa program atau data yang disimpan dalam computer adalah **tanpa kuasa sekiranya***

- (a) ***Dia sendiri tidak berhak** untuk mengawal capaian dalam bentuk yang berkenaan kepada program atau data itu; dan*
- (b) ***Dia tidak mempunyai keizinan_**atau melebihi apa-apa haka tau kebenaran untuk mencapai olehnya dalam bentuk yang berkenaan kepada program atau data itu daripada mana-mana orang yang berhak”.*

Peruntukan undang-undang berkaitan mengubahsuaian data adalah seperti berikut; Seksyen 2 Akta Jenayah Komputer 1997:

“(2) *Bagi maksud Akta ini, seseorang mendapat capaian kepada mana-mana aturcara atau data yang disimpan dalam computer sekiranya, dengan menyebabkan computer itu melaksanakan apa-apa fungsi, dia –*

- (a) *Mengubah atau memadamkan program atau data;”*

Selanjutnya Seksyen 2(7) Akta Jenayah Komputer 1997 pula suatu **pengubahsuaian kandungan mana-mana computer berlaku sekiranya**, dengan pengendalian apa-apa fungsi computer yang berkenaan atau mana-mana computer yang lain—

(a) apa-apa program atau data yang disimpan dalam computer berkenaan diubah atau dipadamkan;

(b) apa-apa program atau data dimasukkan atau ditambahkan kepada kandungannya; atau

(c) apa-apa kejadian yang berlaku mencatatkan pengendalian normal mana-mana computer.

dan apa-apa perbuatan yang menyumbang kepada berlakunya suatu pengubahsuaian hendaklah disifatkan sebagai melakukannya.

Seksyen 2(8) pula;

Apa-apa pengubahsuaian yang disebut dalam subseksyen (7) adalah tanpa kuasa sekiranya---

(a) Orang yang perbuatannya menyebabkan begitu dengan Sendirinya tidak berhak untuk menentukan sama ada pengubahsuaian itu patut dibuat; dan

(b) Dia tidak mendapat keizinan ke atas pengubahsuaian itu daripada mana-mana orang berhak.

Akta ini juga memperuntukkan Anggapan di bawah Seksyen 8 yang menyebut:

*“Seseorang yang ada dalam jagaan atau kawalannya apa-apa Program, data atau maklumat lain yang disimpan dalam mana-mana computer atau didapatkan semula daripada mana-mana computer yang berkenaan dengannya dia tidak berkuasa untuk ada dalam jagaan atau kawalannya, **hendaklah disifatkan telah memperoleh capaian tanpa kuasa kepada program, data atau maklumat itu melaikan sekiranya dibuktikan sebaliknya.**”*

Keputusan Mahkamah:

Isu Pertama: Tarikh, Masa, Nama Jemaah dan Lokasi Kejadian

66. Dalam meneliti kepada ketiga-tiga pertuduhan terhadap Perayu Kedua, ianya melibatkan peruntukan undang-undang yang sama tetapi perbezaan dari segi tarikh kejadian, masa kejadian dan nama-nama Jemaah Haji yang berlainan. Bagi pertuduhan Pertama ianya, melibatkan tarikh 10 Jun 2010 jam antara 11.00 malam hingga 11.10 malam, di lantai 13 Jabatan Teknologi Maklumat, Bangunan Ibu Pejabat . Bagi maksud ini, mahkamah ini telah merujuk kepada keterangan **(SP13)** yang jelas merujuk kepada Lampiran F **(P16)** adalah merujuk kepada nama-nama penama seperti mana

pertuduhan pertama dan tertera masa nama-nama tersebut dimasukkan kedalam sistem. Masa yang tertera pada Lampiran F juga menunjukkan sama seperti masa dalam pertuduhan ini. Lampiran F juga mencatat IP Adress yang digunakan iaitu dari lokasi lantai 13 Bangunan Ibu Pejabat Tabung Haji.

67. Bagi pertuduhan Kedua ianya, melibatkan tarikh 12 Julai 2010 jam antara 2.00 petang hingga 3.12 petang, di lantai 13 Jabatan Teknologi Maklumat, Bangunan Ibu Pejabat . Mahkamah ini juga merujuk kepada keterangan **(SP13)** yang merujuk kepada Lampiran F **(P16)** adalah merujuk kepada 15 nama-nama penama seperti mana pertuduhan kedua dan tertera masa nama-nama tersebut dimasukkan kedalam sistem. Masa yang tertera pada Lampiran F juga menunjukkan sama seperti masa dalam pertuduhan ini. Lampiran F juga mencatat IP Adress yang digunakan iaitu dari lokasi lantai 13 Bangunan Ibu Pejabat Tabung Haji.
68. Sementara itu bagi pertuduhan Ketiga pula, melibatkan tarikh 14 Julai 2010 jam antara 10.55 pagi hingga 11.10 pagi, di lantai 13 Jabatan Teknologi Maklumat, Bangunan Ibu Pejabat . Mahkamah ini sekali lagi telah merujuk kepada keterangan **(SP13)** yang merujuk kepada Lampiran F **(P16)** adalah merujuk kepada 10 nama-nama penama seperti mana pertuduhan kedua dan tertetra masa nama-nama tersebut dimasukkan kedalam sistem. Masa yang tertera pada Lampiran F juga menunjukkan sama seperti masa dalam pertuduhan

ini. Lampiran F juga mencatat IP Address yang digunakan iaitu dari lokasi lantai 13 Bangunan Ibu Pejabat Tabung Haji.

Isu Kedua: Perayu Kedua telah membuat capaian ke Pengkalan Data Tabung Haji dan telah memasukkan rekod Jemaah haji (seperti yang dinyatakan di lampiran A) dengan menggunakan program khas iaitu Win SQL tanpa kuasa;

69. Bagi elemen Yang Kedua yang menggabungkan ketiga-tiga Pertuduhan diatas adalah Perayu Kedua menggunakan computer Elite Book 6930p, Nombor serial notebook2CE841Z2TR dan nombor Mac Address 00-21-FD-A4-74-F6(W). Mahkamah ini mendapati bahawa secara keseluruhannya menunjukkan IP Address, MAC Address, Program Win SQL, kod kuasa P106, ID Haji Nasir, nama jemaah haji dan nombor kad pengenalan, template yang berkaitan program terdapat didalam **(P14)**. Dalam keterangan **(SP7)** mengesahkan bahawa notebook **(P14)** telah didaftarkan dan diberikan kepada Perayu Kedua. Ekshibit **(P10)** mengesahkan bahawa **(P14)** adalah berada dalam jagaan Perayu Kedua.

Isu Ketiga: Perayu mempunyai pengetahuan bahawa perbuatan tersebut menyebabkan pengubahsuaian kandungan pengakalan data Sistem Haji untuk Lembaga Tabung Haji.

70. Bagi elemen yang Ketiga yang menggabungkan ketiga-tiga pertuduhan diatas yang mana Perayu Kedua telah membuat capaian ke Pengkalan Data Tabung Haji dan telah memasukkan rekod jemaah haji (seperti dalam Lampiran A) dengan menggunakan program khas iaitu win SQL tanpa kuasa. Melalui Rekod-rekod Rayuan, mahkamah ini juga mengambil pendekatan bahawa semasa **ketiga-tiga Laporan berkenaan dikemukakan di mahkamah semasa perbicaraan, pihak peguam tiada membuat sebarang bantahan. Justeru itu, dalam meneliti isu ini secara lebih mendalam, mahkamah ini mengambil kira Laporan Siasatan Forensik (P13), (P15) dan (P16).** Melalui Laporan Siasatan Awal Teknikal Forensik (P13), mahkamah ini mendapati bahawa hasil maklumbalas dari Jabatan Haji, pihak Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) diarahkan membuat semakan forensic berkaitan Hjh Sapinah mengerjakan Haji setiap tahun dengan menggunakan kod P106. Pada 25 Oktober 2010 Zakaria bin Putih (SP15) iaitu General Manager Enterprise Computer Operation (JTM) telah dilantik sebagai Ketua Jawatankuasa khas siasatan dalaman teknikal JTM, berkaitan dengan kes pencerobohan Sistem Haji. Beberapa pegawai lain yang turut terlibat sama termasuklah Haji Azizul (SP14). HajahYuslaini (SP13) dan Hajah Norazalina. Pihak Tabung Haji telah mendapatkan bantuan dari pelbagai Vendor computer seperti CBS, IBM dan Syarikat Telekom Malaysia untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang penting antaranya ialah MAC Address si pelaku. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengenalpasti punca perubahan data pemilihan kuota dalam system haji. Siasatan ini bagi

membolehkan jurnal system induk dikeluarkan kerana melibatkan perubahan data secara *back door*. **Berdasarkan jurnal tersebut IP Address yang terlibat dengan pertukaran data pemilihan kuota dapat dikenalpasti.**

71. Dalam keterangan saksi (SP13), mahkamah ini mendapati pada peringkat awal saksi ini telah membaca jurnal system untuk mendapatkan ID pengguna, tarikh, masa dan *IP Address* yang digunakan untuk membuat proses *backdoor* bagi kes Hajah Sapinah. Manakala di peringkat mengesan pemilik computer dibuat oleh (SP14), Senior Analyst (Network Management), Bahagian Enterprise Computer Operation, Jabatan Teknologi Maklumat. IP address ialah membawa maksud Internet protocol yang mana merupakan alamat untuk membolehkan setiap computer berkomunikasi dan menghantar data antara satu sama lain.
72. Hasil siasatan bersama vendor Sistem Haji TH iaitu Iszani dari Theta Edge Sdn Bhd mendapati proses pemilihan jemaah haji mendapati kesemua kemaskini status kuota P106 dibuat melalui screen UACDEIK.
73. Pada peringkat pertama, setelah mengetahui data jemaah haji diceroboh **(SP13)** telah membuat restore jurnal bulan Julai 2010, selepas itu, **(SP13)** telah memilih data yang melibatkan data haji praterpilih. **(SP13)** telah ambil semua nama-nama bulan Julai. Nama tersebut dijadikan dalam bentuk journal Laporan **(P13)** di Lampiran A. Daripada sini, **(SP13)** mendapati kebanyakan data

adalah dibuat secara back door berdasarkan kepada JO. CODE, JO.DATE dan JO.TIME, JO.JOB. Disamping itu JOPGM iaitu **Job programme** didapati tidak menggunakan program yang dipakai oleh Tabung Haji iaitu **UACDEIK** tetapi menggunakan kod **QZDASOINIT**.

74. (SP13) ketika dirujuk lampiran A mengesahkan jemaah haji nombor I/C 420401-5193 hingga Ia kepada 750712-03-5598 dan kemudian 750712035598. Berpandukan kepada lampiran, aktiviti ini dilakukan pada 12.07.2010 di antara pukul 2.58 hingga 3.11 petang (merujuk pertuduhan kedua). (SP13) ketika dirujuk lampiran A mengesahkan pengemaskini secara backdoor juga dibuat pada 14.07.2010 diantara pukul 11 pagi (merujuk pertuduhan ketiga).
75. Merujuk kepada laporan siasatan (P13) di muka surat 3 para 3.0, saksi (SP13) mengesahkan **pertukaran data telah dibuat melalui back door dan Pelaku telah membuat unauthorized access dalam sistem**. Rujukan juga dibuat di Lampiran B (P13), (SP13) juga mengesahkan **IP address yang digunakan adalah 10.10.6.52. Manakala ID yang digunakan pula ialah ID Hj Nasir iaitu KT11136F**. Daripada lampiran A, (SP13) sahkan pelaku tidak menggunakan program yang disediakan oleh Tabung Haji iaitu *Green Screen*, screen yang disediakan oleh vendor. Apabila terdapat QZ ini maknanya pelaku menggunakan program luar daripada yang disediakan. QZDASOINIT (program yang menunjukkan ia tidak menggunakan greenscreen). (SP13) mempercayai bahawa terdapat pencerobohan pada data ini atau lebih tepat lagi dilakukan secara

backdoor. Greenscreen membawa maksud menu biasa yang digunakan oleh pengguna. Pelaku juga didapati menyediakan satu program yang boleh akses terus ke database.

76. Dalam Laporan Siasatan Forensik 2 (P15), mahkamah mendapati bahawa **(SP13)** telah memberikan 3 tarikh iaitu tarikh 9,12 dan 23 Julai 2010 kepada **(SP14)** dan meminta **(SP14)** untuk mendapatkan MAC address bagi setiap **IP address** pada tarikh-tarikh tersebut. Selepas mendapat nombor **IP Address 10.10.6.52** yang digunakan untuk mengemaskini status kouta **P106** atas nama Sapinah Bt Mamat, **(SP13)** serahkan no **IP Address** ini beserta Print Screen Jurnal System kepada **(SP14)** untuk mendapatkan maklumat sebenar siapa pemilik komputer yang digunakan untuk mengemaskini status kuota **P106** atas nama Sapinah Bt. Mamat.
77. Peranan **(SP14)** pada ketika itu ialah untuk mengenalpasti MAC address (kod yang terdapat pada computer yang mempunyai rangkaian) bagi **IP address – IP address** yang disyaki terlibat dengan pencerobohan. **IP – IP address** tersebut telah diserahkan oleh Hajah Yuslaine kepada **(SP14)** dimana **IP – IP address** tersebut adalah bagi bulan Julai 2010. MAC address (Media Access Control address) ialah satu kod yang terdapat pada setiap computer dan ianya tidak akan sama dengan mana-mana computer. Apabila seseorang itu menggunakan computer dan memasuki rangkaian (Internet), computer yang digunakan tadi akan menyebarkan MAC address ke semua rangkaian untuk mencari server yang memberikan IP address. Maksudnya ia boleh masuk ke dalam rangkaian dan dia

adalah unit di mana tiada dua computer yang berkongsi MAC address yang sama dan ianya sentiasa kekal di computer tersebut.

78. Pihak Tabung Haji juga telah melantik Telekom Berhad sebagai vendor untuk membuat ujian pemantauan rangkaian dengan menggunakan perisian Compuware bagi mendapatkan data berdasar tarikh 9, 12 dan 23 Julai. Berpandukan kepada **(P15)** , Lampiran Q, mereka menjumpa MAC Address yang sepadan dengan **IP address 10.10.6.33** iaitu **MAC address 00 -21-5D-A4-74-F6**. Setelah mendapat MAC address tersebut, **(SP14)** mendapati MAC address tersebut adalah kepunyaan notebook milik TH. Ini berdasarkan 6 digit pertama pada MAC address iaitu **00-21-5D** adalah merujuk kepada notebook TH. **(SP14)** juga mengesahkan computer tersebut menggunakan **windows PC** dan jenisnya adalah notebook **HP Elite**.
79. Pada 9 November 2010, **(SP14)** telah Berjaya mengesan MAC address tersebut di lantai 12 yang menggunakan IP address lantai 12. **(SP14)** mengesyaki pegawai dari lantai 13 telah pergi ke lantai 12. **(SP14)** mendapati **IP address** tersebut digunakan di lantai 13 bahagian Teknologi maklumat TH kerana **IP address** tersebut menggunakan **kod 10.10.6**. Pada masa itu Perayu turut berada di dalam mesyuarat di lantai 12.
80. **(SP14)** telah memaklumkan penemuan tersebut kepada **(SP15)**. Pada 11 November 2010, mereka telah mengumpul notebook pegawai-pegawai yang terlibat dalam mesyuarat tersebut termasuk

notebook Perayu. Mereka telah memeriksa MAC address setiap notebook. Setelah semua MAC address daripada semua notebook dikumpulkan, dalam Lampiran V dan Lampiran S **(SP15)** telah membandingkan semula MAC address yang di kumpulkan tersebut dengan MAC address yang telah dijumpai sebelum ini dan **mendapati bahawa notebook milik Perayu adalah notebook mempunyai MAC address yang sepadan dengan MAC address yang telah dijumpai menggunakan IP address** bagi ketiga-tiga dimana key in data jemaah haji dilakukan secara backdoor.

81. Dalam **Laporan siasatan kedua hasil siasatan mendapati Perayu Kedua, adalah pelaku yang melakukan kemaskini status P106 secara backdoor terhadap Hjh Sapinah.**
82. Sementara itu berdasarkan kepada Laporan Siasatan Forensik 3 (P16) dan melalui keterangan-keterangan saksi **(SP13), (SP14)** dan **(SP15)** telah menyelidiki dengan lanjut notebook milik Perayu Kedua **(P14)**. Hasilnya, **(SP14)** telah menjumpai folder yang mencurigakan di dalam **(P14)**. Saksi **(SP13)** mengesahkan folder tersebut mengandungi program yang boleh digunakan untuk ubahsuai pengkalan data sistem haji. **Di dalam folder tersebut mengandungi statement yang mencurigakan seperti nama-nama jemaah haji, nombor KP, dan nombor akaun Tabung Haji. Juga terdapat ID KT1136S dan tahun 1431 iaitu tarikh hijrah kod P106.**
83. Siasatan juga mendapati terdapat Folder yang mengandungi **program Wing SQL** yang merupakan satu templet yang mana ianya

disimpan setelah satu program disiapkan. Program dijumpai tersebut disimpan di dalam fail biasa sebelum ianya digunakan untuk akses sistem haji. Ianya diguna untuk mengakses sistem haji dan boleh diguna semula dengan menukar nama-nama jemaah haji. Ia seakan templet/format yang digunakan untuk masukkan/tukar ganti data dikehendaki.

84. Hasil semakan **(SP14)** seperti di Lampiran K Laporan **(P16)** menunjukkan pada tarikh **12 Julai, IP address 10.10.6.52 telah menggunakan MAC address 00-21-5D-A4-74-F6 adalah MAC address daripada notebook Perayu Kedua.** Tarikh dan juga masanya sepadan dengan tarikh dan masa yang diberikan kepada Hajjah Yuslaini untuk rekod Hajjah Sapinah. **Rumusan secara keseluruhannya, didapati bahawa P14 adalah notebook yang terlibat untuk mengakses dan menceroboh pangkalan data sistem haji. Ianya berdasarkan notebook itu adalah milik Perayu Kedua.**

85. Mohd Azhar bin Ahmad **(SP7)** mengesahkan *Notebook* jenis HP Compaq model Model Elitebook 6930p/NE/2008 telah **diserahkan kepada Perayu Kedua pada 9/7/2009.** (Rujuk Dokumen Sistem Maklumat Perkakasan IT (Tabung Haji) butir-butir Notebook yang digunakan oleh Perayu Kedua / **(P10)**). **Nombor Serial Notebook yang digunakan oleh Perayu Kedua ialah 2CE841Z2TR dan Nombor MAC Address pula ialah 00-21-5D-A4-74-F6(W)00-34-5D-34-51-CA.** Jenis Notebook yang digunakan oleh Perayu Kedua ialah Elite Book HP Compaq.

86. Berdasarkan keterangan di atas, adalah jelas bahawa **Perayu Kedua telah menggunakan computer Elite Book 6930p, nombor serial notebook 2CE841Z2TR serta no MAC Address 00-21-5D-A4-74-F6(W) untuk membuat capaian ke Pengkalan Data Tabung Haji dan telah memasukkan rekod jemaah haji (seperti yang dinyatakan di lampiranA) dengan menggunakan program khas iaitu Win SQL tanpa kuasa yang mana Perayu Kedua tahu bahawa perbuatan tersebut menyebabkan pengubahsuaian kandungan pengkalan data Sistem Haji untuk Lembaga Tabung Haji.**
87. Mahkamah ini juga telah meneliti keterangan-keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence) bagi menentukan samada, Perayu Kedua mengetahui bahawa perbuatan tersebut menyebabkan pengubahsuaian kandungan pengkalan data sistem haji untuk Lembaga Tabung Haji. Dalam kes **PP v Dato' Harun Idris (No.2) (1997) 1 MLRH 438, (1997) 1 MLJ 15**
- “The evidence need not be direct; it is sufficient if it is merely circumstantial evidence of the accused’s connection with the crime.”*
88. Melalui keterangan-keterangan saksi dan Laporan Forensik, Fakta Utama (Central Crux Issue) yang diperolehi adalah perkara yang amat menghairankan adalah didalam satu folder di **Komputer (P14) mengandungi statement yang mencurigakan seperti nama-**

nama jemaah haji, nombor kad pengenalan, dan nombor akaun Tabung Haji. Dalam folder ini juga terdapat ID KT1136S dan tahun 1431 Hijrah dan Kod P106. Ianya mengandungi Program Win SQL yang mana ianya disimpan sebagai satu program. Ianya digunakan untuk mengakses sistem haji dan boleh digunakan semula dengan menukar nama-nama jemaah haji. Ianya adalah satu format yang digunakan untuk memasukkan dan menukar ganti data yang dikehendaki. Persoalan yang bermain di dalam pemikiran mahkamah adalah Mengapakah program ini perlu ada didalam **(P14)**. Perlulah ditegaskan disini melalui keterangan saksi-saksi pendakwaan dan **Perayu Kedua sendiri, beliau tidak menafikan bahawa Komputer (P14) telah didaftarkan diatas nama Perayu kedua.**

Persoalan: Pertimbangan Penghujahan Peguam

89. Dalam meneliti hujahan pihak peguam, mahkamah ini mendapati tiada pada mana-mana peringkat samada dalam kes pendakwaan mahupun dalam kes pembelaan, peguam mengemukakan apa-apa bukti yang menunjukkan computer **(P14)** telah digunakan atau diserahkan kepada pihak yang lain. Perayu Kedua juga dalam keterangannya mengesahkan bahawa **(P14)** sentiasa dalam jagaannya dan tidak pernah diserahkan kepada pihak Tabung Haji pada tarikh dalam pertuduhan. **Tiada apa-apa jua bukti-bukti yang menunjukkan bahawa (P14) telah dicerobohi atau digunakan oleh orang lain selain daripada Perayu Kedua.** Kalaulah benar (P14) ada dicerobohi oleh pihak luar, mengapakah **Perayu Kedua**

sendiri tidak membuat apa-apa laporan polis pun. Tambahan pula **Perayu Kedua sendiri tidak menemui apa-apa bukti pun bagi menunjukkan (P14) telah dicerobohi.** Perayu Kedua juga mengesahkan bahawa peraturan pejabat menghendaki Notebook disimpan didalam laci selepas digunakan. Sekiranya benar ada pihak yang mencerobohi **(P14)** sememangnya **Perayu Kedua dapat mengesannya kerana beliau seorang yang berpengalaman dan pakar dalam bidang IT.**

90. Dalam keadaan yang lain juga, Perayu Kedua menyatakan bahawa pada tahun 2003, 2005 dan 2009, beliau telah dihantar ke Tanah Suci untuk bertugas semasa musim haji. Pada masa tersebut semua pegawai bertugas perlu menggunakan program WIN & SQL untuk quick access kepada data base di Tanah suci yang mana data base merangkumi data jemaah haji tahun semasa. Lampiran E Dokumen Text – setup yang dikeluarkan dari laptopnya adalah merupakan template yang dibekalkan untuk Petugas TH dari Jabatan IT untuk digunakan jika terdapat keperluan semasa bertugas di Tanah Suci . Oleh itu Perayu Kedua menyatakan bahawa di TH di Bahagian IT terdapat lebih kurang 40 orang yang tahu dan menggunakan program WIN & SQL. Dalam mempertimbangkan isu ini, **Mahkamah ini mendapati bahawa Perayu Kedua gagal untuk menjelaskan kenapakah nama-nama tersebut ada didalam notebooknya (P14) pada tahun 2010 sedangkan Program WinSQL ada dalam notebooknya semasa dia bertugas di Tanah suci pada tahun 2009.** Mahkamah mendapati bahawa nama-nama jemaah haji yang ada dalam (P14) adalah jemaah Haji yang ke Tanah Suci pada tahun

2010 manakala Perayu Kedua bertugas pada tahun 2009. **Sekiranya benar Perayu Kedua menyatakan bahawa program Win SQL beliau gunakan pada tahun 2009 sahaja, bagaimana mungkin data-data 2010 ada didalam (P14). Apa yang lebih menghairankan lagi adalah Lampiran E Text Set Up yang ada dalam (P14) kononnya dibekalkan pada tahun 2009 tetapi yang ada dalam (P14) adalah template 2010. Justeru itu, mahkamah ini mendapati bahawa kesemua keterangan yang berkaitan dengan program WinSQL didalam (P14), keujudan Template 2010, persamaan Mac Address, persamaan IP Adress dan Posisi (P14) dalam milikan Perayu Kedua bukanlah suatu perkara yang berlaku secara kebetulan.**

Persoalan:

Adakah Perayu Kedua mempunyai pemilikan dan Akses kepada (P14)

91. Dalam meneliti isu ini, mahkamah ini mendapati berdasarkan kepada **Rekod Daftar dan milikan fizikal serta keterangan-keterangan saksi-saksi (SP17), (SP13), (SP14) dan (SP15), adalah jelas sememangnya (P14) adalah berada di dalam milikan Perayu Kedua** pada masa material. Adalah mustahil untuk orang lain menggunakan notebook (P14) tersebut dimana telah disahkan wujud kata laluan yang perlu dimasukkan untuk mengakses kepada notebook tersebut.

Persoalan:

Sekiranya begitu, adakah Perayu Kedua mempunyai pengetahuan terhadap pengubahsuaian kandungan Pengkalan Data???

92. Dalam menentukan samada Perayu Kedua mengetahui mengenai pengubahsuaian kandungan pengkalan data Sistem Haji untuk Lembaga Tabung Haji, **mahkamah ini mendapati bahawa Notebook (P14) sentiasa di dalam milikan Perayu Kedua dan mempunyai kata laluan sendiri. Mahkamah ini mendapati bahawa Program WinSQL yang digunakan untuk memasukkan rekod jemaah haji (seperti yang dinyatakan di lampiranA) telah didapati tersimpan di dalam keadaan yang sukar dicari seolah-olah ingin disembunyikan.** Nama fail itu sendiri dinamakan `setup` dan folder tersebut disimpan di dalam drive D, hulux taggad, quick look, HPQL-lock. Ia telah disimpan secara berlapis-lapis di dalam folder.
93. Mahkamah ini tidak menafikan bahawa Perayu Kedua mempunyai kepakaran dan mahir dalam Sistem Haji di mana beliau pernah bertanggungjawab dan mengendalikan sistem haji. Melalui keterangan (SP13), beliau mengesahkan bahawa untuk mengubahsuai sistem haji ini, hanya orang-orang yang pernah bertugas di dalam sistem haji sahaja yang boleh melakukan pengubahsuaian tersebut kerana seseorang itu perlu tahu apakah maklumat yang perlu di `pump in`, Password SP8 iaitu KT1136F yang mana ia adalah maklumat sulit telah ditemui di dalam program

winSQL di dalam P14. Selain penemuan password SP8, ditemui juga di dalam program tersebut maklumat sepertimana Lampiran E.

Persoalan:

Bolehkah mahkamah memberikan pertimbangan pembelaan melalui dokumen (IDD4)???

Apakah Status (IDDA)???

94. Dalam meneliti isu ini, mahkamah ini mendapati melalui Rekod Rayuan Jilid 4 mukasurat 501 hingga 502, mahkamah ini mendapati bahawa (D4) telah ditukar kembali kepada (IDD4) pada prosiding bertarikh 21 Jun 2013 atas persetujuan pihak-pihak selepas isu ini dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk `revision'. Justeru itu eksibit ini belum pernah dijadikan (D4) selepas itu. Kalaulah ianya merupakan suatu dokumen "*Identification Documents*", apakah nilai probative yang dapat diberikan pertimbangan dalam kes Perayu Kedua???. Dalam penghujahan peguam Perayu Kedua, menyatakan bahawa (IDD4) yang tercatat Perayu Kedua telah keluar dari pejabat pada pukul 5.16 petang. Perayu Kedua telah dituduh melakukan kesalahan pada tarikh 10 Jun 2010 jam lebih kurang 11.00 malam hingga 11.10 malam seperti mana Pertuduhan Pertama. Eksibit (IDD4) yang telah dikemukakan menunjukkan bahawa ketika waktu itu Perayu tidak berada di tempat kejadian.

95. Sebelum mahkamah ini membuat apa-apa jua keputusan mengenai isu ini, adalah perlu untuk merujuk kepada kes **Public Prosecutor v Jasli bin Amir Salleh (2010) 17 MLRH 620, (2011) 8 MLJ 426** dimana Hakim Yang Bijaksana telah berkata demikian:

*“.....Penelitian terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan menunjukkan bahawa pada bulan Disember 2002 responden tidak lagi di Kem Syed Putra kerana dia telah berpindah dari kem tersebut untuk tinggal di rumahnya sendiri di Batu Gajah dalam bulan Oktober 2002. Dia menyatakan bahawa dalam bulan Disember 2002, dia telah pulang ke Sabah bersama dengan isterinya kerana dia bercuti. Pembelaannya menunjukkan bahawa atas sebab kehadiran dia di Sabah semasa bulan Disember, adalah tidak mungkin bahawa dia berada di tempat di mana kesalahan tersebut dilakukan. Daripada keterangan yang dikemukakan oleh pembelaan, **ia jelas menunjukkan bahawa pembelaan yang dikemukakan oleh responden adalah alibi.** HMS yang bijaksana, oleh itu, terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta dalam memutuskan bahawa pembelaan yang dibangkitkan bukan pembelaan alibi (lihat perenggan 24).*

96. Perayu Kedua berhasrat untuk menunjukkan pembelaan Alibi beliau bahawa pada masa kesalahan seperti dalam pertuduhan pertama

beliau tiada di pejabat. Perlulah diingat bahawa kes ini adalah di bawah Seksyen 402A Kanun Acara Jenayah sebelum pindaan pada Jun 2012. Justeru itu pada hemat mahkamah ini, Perayu Kedua perlu untuk memberi notis secara bertulis kepada Pendakwa Raya. Mahkamah ini mendapati bahawa **Perayu Kedua tidak menyampaikan notis seperti dikehendaki Seksyen 402A Kanun Prosedur Jenayah.** Dalam kes **Hussin bin Sillit v Public Prosecutor [1988] 2 MLJ 232**, mahkamah menyatakan bahawa:

“.....for the purpose of compliance with section 420A of the Criminal Procedure Code, actual written notice containing particulars of the alibi must be given to the Public Prosecutor within the prescribed period. Therefore, a cautioned statement recorded by the police under section 113 of the Criminal Procedure Code does not constitute a valid notice under section 402A of the Code. The answer to the first question is in the negative;

97. Oleh yang demikian, **mahkamah ini mendapati bahawa Perayu Kedua gagal untuk menyerahkan sebarang Notis tersebut dalam masa tertentu menyebabkan keterangan tersebut tidak boleh diterima.** Merujuk kes **Mazlan Othman v PP (2013) 1 MLRA 568, [2013] 1 CLJ 750:**

“.....(4) The appellant’s defence was one of an alibi caught under s. 402A of the CPC. The pre-requirement of a pre-trial notice of an alibi defence under s. 402A of the

CPC is mandatory. The courts have no discretion whatsoever to waive such a mandatory requirement. Since the evidence of the appellant hinged on alibi defence where no written notice under s. 402 A of the CPC had been given to the Public Prosecutor, the JC was right to exclude that part of the evidence pertaining to the alibi defence from his consideration of the appellant's defence. (paras 86-95).....”

98. Begitu juga dalam kes **Public Prosecutor v Ho Jin Lock and Another Trial (1999) 1 MLRH 847, (1993) 3 MLJ 625**

*“Where his defence is a bare denial, it is not evidence in support of an alibi and as such no notice is required under s 402A.....To deny the accused from putting his defence.....however implausible it may appear, would most certainly occasion a miscarriage of justice (**Ng Thian Soong v PP (1990) 2 MLJ 148 at p 152, per Mohamed Azmi SCJ**). But in the instant case, OKT2 affirmed he was outside the lounge at the time of the crime and that he was waiting outside the lounge, doing nothing in particular, at the material time of the crime. That was not a denial but evidence tending to show that by reason of OKT's presence at a particular place or in a particular area (that is, outside the lounge) at a particular time (during the commission of the offences) that he was*

not or was unlikely to have been at the place where the offences were committed at the time of commission (inside the lounge). Unquestionably, that was evidence that by reason of his (OKT2) presence outside the lounge at the material time of commission of the crime that OKT2 was not, or was unlikely to have been inside the lounge where the crimes were committed at the time of commission. Then, that evidence that OKT2 was outside the lounge at the time of the crimes and waiting there for 10 minutes – in substance affirmative proof that OKT2 was elsewhere and that OKT2's presence elsewhere is consistent with OKT's presence at the time and place alleged and with participation in the crime at the alleged time and place of the act alleged – is evidence in support of an alibi. And that evidence that he was elsewhere, without a notice of alibi, must be excluded.

99. Sungguhpun begitu, sekiranya dikatakan seperti penghujahan peguam Perayu Kedua bahawa **(IDD4)** bukan berbentuk Alibi tetapi merupakan suatu bentuk pembelaan Perayu Kedua, mahkamah ini masih mendapati bahawa pengemukaan eksibit **(IDD4)** dan juga **tidak mengikut prosedur peruntukan undang-undang Seksyen 90A Akta Keterangan 1950.**

(1)

(2) For the purposes of this section it may be proved that a document was produced by a computer in the course of its ordinary use by tendering to the court a certificate signed by a person who either before or after the production of the document by the computer is responsible for the management of the operation of that computer, or for the conduct of the activities for which that computer was used.

(3) (a) It shall be sufficient, in a certificate given under subsection (2), for a matter to be stated to the best of the knowledge and belief of the person stating it.

(b) A certificate given under subsection (2) shall be admissible in evidence as prima facie proof of all matters stated in it without proof of signature of the person who gave the certificate.

100. Dalam keadaan yang sedemikian, mahkamah ini mendapati bahawa memandangkan (IDD4) tersebut merupakan cetakan computer maka pihak Perayu Kedua wajib mengemukakan satu perakuan atau setidak-tidaknya keterangan lisan pengendali sistem yang dapat mengesahkan dokumen tersebut telah dicetak di bawah keadaan sistem computer yang biasa. Merujuk kes **Public Prosecutor v Azman bin Ismail & Ors (2007) 1 MLRA 276, (2007) 3 MLJ 628.**

“.....(51) in the instant case, there is no evidence of such compliance of the condition precedent as required by s 90A of the Evidence Act 1950 for exh (P21 A-1) to be

*admitted. There is no certificate tendered in evidence with regard to the admissibility of the statement in exh (P21 A-1). Therefore, oral evidence is required to establish the condition precedent as required by s 90A(1) in order to show that the statements contained in exh (P21A-1) and the information collected by PW8 from the computer software were produced by the computer in the ordinary course of its use and to comply with s 90A(4). In the absence of the said certificate having been tendered in evidence under s 90A(2), there must be oral evidence in lieu of the preumptions attached to the certificate as required by s 90A(4). In the instant case, the condition precedent for the admission of the **computer print out** has not been established (see **Hanafi Mat Hassan v Public Prosecutor [2006] 4 MLJ 134; Gunasegaran Para Rajasingam v Public Prosecutor [1997] 4 CLJ 6; R v Shepperd [1993] 1 All ER 225 at p 231; Public Prosecutor v Ong Cheng Yong [1998] 4 CLJ 209; Schmidt Scientific Sdn Bhd, v Ong Han Suan [1997] 5 MLJ 632; Public Prosecutor v Gurdial Singh Get Singh [2005] 6 CLJ 272).***

52] *Therefore, in the circumstances, this court is of the considered view that exh (P21 A-1) is inadmissible in law for failure to comply with the condition precedent for the admissibility of the **computer print out**. Further still, the evidence of PW8 is also not of much assistance to the court to*

*implicate the accused persons to the charge of murder as per the charge (see **Munusamy v Public Prosecutor [1987] 1 MLJ 492 at pp 495-496; Public Prosecutor v Lin Lian Chen [1991] 1 MLJ 316; Junaidi Abdullah v Public Prosecutor [1993] 3 MLJ 217 at pp 228-230; Kamaraguru & Ors v Public Prosecutor [1994] 1 MLH 254; Khoo Hi Chiang v Public Prosecutor [1994] 1MLJ.***

101. Mahkamah ini mendapati bahawa **Perayu Kedua juga gagal mematahkan anggapan Seksyen 8 Akta Jenayah Komputer, 1997.** Beban pembuktian diakhir kes pembelaan bagi kesalahan dibawah Akta Jenayah Komputer adalah sama dengan kesalahan di bawah Akta ASPRM. Oleh itu bebannya ialah Perayu perlu mengemukakan keterangan bertentangan bagi mematahkan anggapan. Dalam apa jua keadaan, sekiranya anggapan di bawah seksyen ini tidak terpakai, **pada hemat mahkamah ini, keterangan-keterangan yang ada adalah mencukupi bagi membuktikan pertuduhan terhadap Perayu Kedua melampaui keraguan yang munasabah** dan pembelaan Perayu Kedua gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

KEPUTUSAN AKHIR MAHKAMAH

102. Pada ketika menyampaikan penghakiman keputusan kes ini lebih-lebih lagi dalam Bulan Ramadhan, bulan yang penuh dengan segala keberkatan dan keinsafan ini, Mahkamah ini ingin menzahirkan perasaan sedih dan terkilan apabila mengenangkan di zaman yang

penuh moden ini masih ujud lagi golongan-golongan manusia yang mencari keuntungan di atas kepayahan pihak yang lain. Mahkamah ini berasa sangat sedih apabila pihak seperti Tertuduh-Tertuduh ini masih lagi ingin mengecapi kesenangan melalui jalan mudah lebih-lebih lagi terhadap jemaah-jemaah haji yang menunaikan ibadah haji ke Mekah Al-Mukarramah yang penuh dengan segala cabaran.

Dalam mengkaji kes rayuan dihadapan mahkamah ini, mahkamah ini telah meneliti segala keterangan-keterangan saksi-saksi kes pendakwaan dan kes pembelaan serta dokumen-dokumen ekshibit yang dikemukakan. Mahkamah ini juga telah menilai secara terperinci hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh peguam dan Timbalan Pendakwa Raya. Mahkamah ini seterusnya telah mengkaji secara mendalam setiap isu-isu yang ditimbulkan oleh peguam dan Timbalan Pendakwa Raya dari segala aspek perundangan, mahkamah ini tiada menemui sebarang kekhilafan yang ditinggalkan oleh Hakim Sesyen. Sebaliknya, Mahkamah ini mendapati segala isu-isu yang ditimbulkan oleh pihak-pihak telah diadili secara terperinci oleh Hakim Sesyen dan dinyatakan dalam penghakimannya. **Mahkamah ini juga mendapati tiada sebarang merit dalam rayuan yang dikemukakan oleh pihak Perayu Pertama dan Kedua. Sejajar dengan perkara ini, Mahkamah ini berkewajiban untuk menolak keseluruhan rayuan oleh Perayu Pertama dan Perayu Kedua dan mengekalkan penghakiman keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Mahkamah ini bersetuju dengan Hakim Sesyen dan mendapati Perayu Pertama bersalah dan disabitkan dengan kesalahan pertuduhan menurut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya**

dibawah Seksyen 24 Akta yang sama, Mahkamah ini juga bersetuju dengan Hakim Sesyen dan mendapati Perayu Kedua bersalah dan disabitkan dengan ketiga-tiga kesalahan pertuduhan menurut Seksyen 5(1) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 5(4) Akta yang sama. Mahkamah ini juga telah menilai hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Sesyen. Mahkamah ini juga meneliti segala factor-faktor yang diambil kira oleh Hakim Sesyen dalam penghakimannya dimuka surat 73 hingga 76 Rekod Rayuan. Dalam mempertimbangkan perkara ini, mahkamah ini tidak bercadang untuk mengganggu keputusan dan bentuk hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Sesyen. Justeru itu hukuman yang dikenakan terhadap Perayu Pertama dan Perayu Kedua oleh Hakim Sesyen adalah dikekalkan.

103. Mahkamah ini merasakan adalah adil, wajar dan saksama setelah mempertimbangkan segala sudut prinsip undang-undang yang berkaitan dan alasan-alasan yang telah dinyatakan diatas. Mahkamah ini merakamkan ucapan terima kasih kepada DPP dan pihak-pihak terlibat di atas kerjasama yang diberikan dalam melupuskan kes ini.

Dated 30 Jun 2016,

(DATO' HJ. MOHAMAD SHARIFF BIN HJ. ABU SAMAH)
Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi 4 (Bahagian Jenayah)
Kuala Lumpur.

Bagi Pihak Responden : **Puan Nor Azah binti Kasran**
Timbalan Pendakwa Raya, SPRM

Bagi Pihak Perayu: **En. Hisyam Teh Poh Teik,**
Tetuan The Poh Teik & Co.
(Perayu Pertama)

Dato' Hanif Hassan,
Tetuan Haniff Hassan & Co.
(Perayu Kedua)

Dated 30 Jun 2016,

**(DATO' HJ. MOHAMAD SHARIFF BIN HJ. ABU SAMAH)
Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi 4 (Bahagian Jenayah)
Kuala Lumpur.**

Bagi Pihak Responden : Puan Nor Azah binti Kasran

Timbalan Pendakwa Raya, SPRM

Bagi Pihak Perayu: En. Hisyam The Poh Teik, *Tetuan The Poh Teik & Co.* (Perayu Pertama)

Dato' Hanif Hassan, (*Tetuan Haniff Hassan & Co.* (Perayu Kedua)

